



پلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.06

SUBUH 5.16 SYURUK 6.36 DUHA 6.59 ZUHUR 12.35 ASAR 3.56 MAGHRIB 6.32 ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 minit

Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 16

5 FEBRUARI 2024 / 1445 رجب 24

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengcufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallah Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billah 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Tität Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Ekspo sediakan Pusat Informasi Sehenti Pengajian Tinggi

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Sabtu, 3 Februari. - Ekspo Pengajian Tinggi Ke-9, Tahun 2024 Kementerian Pendidikan membuka tirainya dengan Majlis Pelancaran yang berlangsung di Dewan 2, BRIDEX Jerudong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku Pemangku Menteri Pendidikan. Majlis dimulakan dengan perasmian aplikasi mudah alih Higher Education Information Hub Plus (HE iHub+) oleh tetamu kehormat.

Aplikasi ini berfungsi sebagai pusat dan sumber informasi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD) khususnya bagi penuntut-penuntut yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Ekspo Pengajian Tinggi Ke-9 diadakan selama dua hari bermula pada hari ini, Sabtu, 3 Februari 2024 dari pukul 10.00 pagi hingga pukul 5.00 petang. Manakala pada Ahad, 4 Februari 2024 bermula pukul 9.00 pagi hingga pukul 5.00 petang.

Pada ekspo ini juga akan mengadakan Sesi Webinar (seminar secara dalam talian) melalui platform YouTube saluran HE Virtual Expo pada Isnin, 5 Februari 2024 dan Selasa, 6 Februari 2024 bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

>> Muka 6

MANISNYA IMAN ايمان

"WAHAL orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhalu dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah perbuatan keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan dan keberuntungan."

Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab meminum arak dan bermain judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang. Maka tidakkah kamu mahu berhenti daripada melakukan perbuatan keji itu?"

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 90 - 91

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei t pelitabrunei

Berita Utama



BERGANDING bahu meningkatkan keselamatan siber

Muka 7



MAJLIS Takreem Al-Quran raikan pelatih PPB tamat kursus

Muka 9



JAGA sembahyang, sentiasa istiqamah

Muka 11



KOPI menjadi pilihan ramai

Muka 22

PERTINGKATKAN USAHA PERANGI PENGGANASAN PERINGKAT ANTARABANGSA

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

RIYADH, Ahad, 4 Februari. - Mesyuarat Islamic Military Counter Terrorism Coalition (IMCTC) Defense Ministers Council Kali Kedua telah diadakan pada 3 Februari 2024 di Riyadh, Arab Saudi dan telah dirasmikan juga dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Putera Khalid bin Salman bin Abdulaziz Al Saud, Menteri Pertahanan Kerajaan Arab Saudi.

IMCTC merupakan inisiatif yang ditubuhkan oleh Kerajaan Arab Saudi pada tahun 2015.

Mesyuarat Pertama IMCTC Defense Ministers Council telah diadakan pada November 2017 di Riyadh, Arab Saudi bertujuan untuk membincangkan dan meningkatkan usaha dalam memerangi

pengganasan di peringkat antarabangsa.

Mesyuarat Kedua ini telah dihadiri oleh 42 buah negara-negara ahli dan tiga buah negara pemerhati.

Mewakili Negara Brunei Darussalam dan selaku wakil kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

>> Muka 3

Pelancaran Buku Masjid-Masjid Brunei Darussalam



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku Masjid-Masjid Brunei Darussalam (Mosques of Brunei Darussalam). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman (Lihat muka 4).

Merangka strategi tangani ancaman penyakit kanser

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Februari. - Setiap tahun pada 4 Februari, seluruh negara menyambut Hari Kanser Sedunia sebagai salah satu usaha global dalam melawan penyakit kanser.

Tema Hari Kanser Sedunia bagi tahun 2022-2024 ialah 'Menutup Jurang Penjagaan' yang mana pada tahun ini, kita akan mengutamakan penyakit kanser sebagai punca utama kematian,

untuk membangun strategi-strategi yang berinovatif bagi menangani ancaman penyakit kanser, dan juga membuat pelaburan untuk menuju ke arah dunia yang lebih adil dan bebas kanser.

Pada tahun 2022, Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam (BDCR), menunjukkan sebanyak 743 kes baru dikesan menghidap penyakit kanser dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 6

Peningkatan kredibiliti, kematangan Sekolah Pegawai Kadet ABDB disambut baik

*Assalamu'alaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmaanir Raheem,
Alhamdulillah Hi Rabbil
'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyaraafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee
Ajma'een,
Waba'du*

SEGALA puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga, dapatlah kita sama-sama hadir bagi Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Beta terlebih dahulu dengan besar hati mengucapkan syabas dan tahniah kepada 54 orang Pegawai Kadet atas persembahan perbarisan yang kemas dan penuh semangat sebentar tadi. Beta yakin ini adalah hasil latihan yang berjaya oleh Pegawai-Pegawai Kadet yang telah pun bersedia dengan penuh yakin untuk memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tentera bertauliah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Beta gembira dan bangga dengan perkembangan positif Sekolah Pegawai Kadet sejak penubuhannya 15 tahun yang lalu, iaitu untuk julung kalinya telah menerima penyertaan bersejarah dua orang Pegawai Kadet, masing-masing dari Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Bersenjata Republik Singapura.

Beta juga gembira mengambil maklum, bahawa sehingga kini, Sekolah Pegawai Kadet telah pun berjaya melahirkan seramai 804 orang Pegawai Tentera yang bertauliah. Sesungguhnya pencapaian yang signifikan ini adalah bukti jelas meningkatnya kredibiliti dan kematangan Sekolah Pegawai Kadet sehingga turut disambut baik oleh negara-negara sahabat. Syabas, beta ucapan kepada Sekolah Pegawai Kadet ABDB.

Sebagai satu-satunya institusi pendidikan dan latihan pegawai-pegawai tentera di negara ini, maka amatlah mustahak bagi Akademi Pertahanan untuk mengekalkan peranan utamanya selaku organisasi yang menjana perkembangan profesionalisme Pegawai-Pegawai ABDB melalui dasar Professional Military Education Manual 2023 yang telah diterbitkan baru-baru ini. Beta yakin Akademi Pertahanan adalah mampu untuk membantu ABDB merangka pelan pendidikan dan latihan sebagai langkah melahirkan pemimpin yang mempunyai ilmu akademik ketenteraan yang tinggi, yang beraksaraan falsafah Melayu Islam Beraja di samping memperkasa Nilai-Nilai Teras ABDB yang memartabatkan identiti kebruneian.

Dalam hubungan ini, beta dengan sukacita menyambut baik dan memperkenankan rancangan Akademi Pertahanan untuk menubuhkan Faculty of Military Studies dengan kolaborasi bersama Universiti Brunei Darussalam. Ini adalah merupakan langkah positif dan salah satu inisiatif untuk mendapatkan pengiktirafan

pendidikan Professional Military Education dan adaptasi konsep Lifelong Learning.

Fakulti ini membuka ruang bagi Pegawai-pegawai ABDB untuk mengikuti program Bachelor in Defence and Security Studies yang diperolehi bermula dari Peringkat Kursus Pegawai Kadet sehingga ke peringkat Staf Pertengahan atau Intermediate Staff Course dan seterusnya, Master Degree in Defence and Security Studies di peringkat Maktab Turus ABDB. Beta menaruh keyakinan, segala bentuk perancangan dan usaha baik ini InsyaaAllah akan tercapai dengan dukungan serta kerjasama kukuh dari semua pihak yang berkenaan.

Beta juga sukacita mengucapkan syabas di atas pencapaian Pegawai-pegawai ABDB yang telah meraih anugerah tertentu di Institusi Pendidikan Tentera Luar Negara seperti di Maktab Turus Republik Singapura dan Australia serta Kursus Pegawai Kadet Tentera laut di Britannia Royal Naval College, Dartmouth, United Kingdom baru-baru ini. Ucapan Tahniah juga untuk enam orang Pegawai ABDB yang telah menerima anugerah OBOE Endeavour Academic Excellence daripada Kerajaan Australia sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang mereka di dalam Kursus Maktab Turus ABDB baru-baru ini.

Akhirnya, beta sukacita merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Akademi Pertahanan, khususnya kepada Komandan Akademi Pertahanan, Pegawai Pemerintah, Pegawai-Pegawai Colour Sergeant, Jurulatih



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Upacara Sovereign's Parade Bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet yang berlangsung di Padang Kawad AP ABDB, Kampung Tanah Jambu pada Khamis, 1 Februari 2024.

dan Kakitangan Sekolah Pegawai Kadet di atas pengorbanan serta dedikasi mereka dalam melatih dan mendidik Pegawai-pegawai Kadet dan menjayakan Upacara Sovereign's Parade pada pagi ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga, beta tujukan kepada para ibu bapa, penjaga serta ahli keluarga di atas suntikan semangat, bimbingan dan sokongan yang berterusan sehingga mereka berjaya mengharungi latihan yang sangat

bermakna dan mencabar ini. Kepada semua Penerima Anugerah tertentu, beta ucapan tahniah dan syabas.

Dengan merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat kalimah *Bismillahir Rahmaanir Rahim*, beta dengan sukacita mengurniakan Tauliah kepada 54 orang Pegawai Kadet, Pengambilan Ke-22.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Wabillayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG

5 FEBRUARI 2024

SIDANG PENGARANG

Rancang hala tuju pengajian sebaiknya

DALAM kehidupan yang serba mencabar ini, tidak dinafikan, semua orang dari pelbagai peringkat mahu mengecapi kejayaan dalam hidup ini. Kejayaan ini termasuk kejayaan dalam pelajaran, pekerjaan, perniagaan dan sebagainya.

Apa yang penting sebelum kita menyasarkan sesuatu untuk meraih kejayaan itu adalah usaha kita.

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan keputusan peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. Peringkat 'AS', 'A', 'O' dan International General Certificate of Secondary Education bagi sesi Oktober / November 2023.

Tahniah diucapkan kepada para pelajar yang telah menduduki peperiksaan tersebut setelah berkerah tenaga untuk mengulang kaji pelajaran sehingga meraih keputusan yang cemerlang.

Bagi yang tidak mendapat keputusan yang memuaskan, teruskan usaha dan jangan sesekali putus asa. Raih peluang ini untuk menambah baik mutu pembelajaran.

Sudah setentunya, para pelajar pada ketika ini sedang memikirkan hala tuju pengajian mereka selepas peringkat menengah dan kini menuju ke peringkat pengajian tinggi.

Jangan terburu-buru dan rancang sebaik-baiknya agar hala tuju pengajian sehingga mencari pekerjaan nanti berjalan dengan lancar.

Perancangan hidup selepas peringkat menengah adalah langkah penting untuk membantu mencapai matlamat dan cita-cita dalam kehidupan.

Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pengajian Tinggi dan Bahagian Biasiswa mengadakan Ekspo Pengajian Tinggi kali Ke-9 bagi Tahun 2024 selama dua hari bertempat di Dewan 2, BRIDEX, Jerudong.

Ekspo Pengajian Tinggi kali ini juga akan mengadakan sesi Webinar secara dalam talian, iaitu pada Isnin, 5 Februari 2024 dan Selasa, 6 Februari 2024 pada jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Webinar ini akan disampaikan oleh beberapa institusi pendidikan secara dalam talian menerusi platform YouTube.

Antara topik yang akan dikongsikan adalah tatacara permohonan Higher Education Centralized Admission System dan peluang-peluang tawaran biasiswa.

Gunakan peluang ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai institusi pengajian tinggi pasca menengah dan bersemuka bersama pihak-pihak yang berkepentingan dalam institusi pengajian tinggi.






Perlu diingatkan, perancangan hidup adalah dinamik dan mungkin perlu menyesuaikannya sepanjang perjalanan. Fleksibiliti dan ketekunan adalah kunci untuk mencapai matlamat kehidupan.

Teruskan usaha, jangan berputus asa dan buat perancangan sebaik mungkin agar meraih kejayaan pada masa hadapan. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

WAKTU SEMBAHYANG											
Februari	Rejab										
MASIH	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
5	ISNIN	24	5.06	5.16	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44	
6	SELASA	25	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44	
7	RABU	26	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44	
8	KHAMIS	27	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44	
9	JUMAAT	28	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44	
10	SABTU	29	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44	
11	AHAD (Syaaban)	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan  31 °C 25 °C Pekan Bangar	 31 °C 25 °C Pekan Tutong	 31 °C 25 °C Kuala Belait
 31 °C 25 °C Pekan Bangar	 31 °C 25 °C Pekan Tutong	 31 °C 25 °C Kuala Belait
 31 °C 25 °C Wallahudalam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	 31 °C 25 °C Wallahudalam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	 31 °C 25 °C Wallahudalam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunel.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا برونى

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PERTINGKATKAN USAHA PERANGI PENGGANASAN PERINGKAT ANTARABANGSA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mewakili Negara Brunei Darussalam dan selaku wakil kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Islamic Military Counter Terrorism Coalition (IMCTC) Defense Ministers Council Kali Kedua (atas dan bawah kanan). Manakala gambar bawah kiri, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa membuat Perjumpaan Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Penolong Menteri Pertahanan Saudi bagi Hal Ehwal Eksekutif.

>> Muka 1

Turut hadir semasa mesyuarat tersebut ialah Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Arab Saudi, Puan Norhafizah binti Haji Mohd. Sofian dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Arab Saudi.

Mesyuarat Kedua IMCTC dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan dituturi dengan Sabda Ucapan dari Duli Yang Teramat Mulia Putera Khalid bin Salman bin Abdulaziz Al Saud.

Antara agenda mesyuarat yang telah dibincangkan termasuk strategi dan pencapaian utama IMCTC serta usaha dan inisiatif negara-negara anggota IMCTC bagi membanteras keganasan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

Secara berasingan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II telah membuat Perjumpaan Dua Hala bersama Penolong Menteri Pertahanan Saudi bagi Hal Ehwal Eksekutif, Tuan Yang Terutama Dr. Khaled bin Hussein Al-Biyari.

Semasa Perjumpaan Dua Hala tersebut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menyatakan ucapan menjunjung kasih dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas jemputan Duli Yang Teramat Mulia Putera Khalid bin Salman bin Abdulaziz Al Saud bagi menghadiri mesyuarat tersebut dan seterusnya

menyatakan ucapan tahniah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia di atas kejayaan pengendalian mesyuarat IMCTC.

Di samping itu, kedua-dua belah pihak juga berbincang mengenai isu-

isu cabaran keganasan di peringkat serantau dan global.

Pada akhirnya, kedua belah pihak juga mengesahkan komitmen yang kuat ke arah memperkuuh dan mempertingkatkan lagi kerjasama pertahanan dan ketenteraan di antara Negara Brunei Darussalam dan

Kerajaan Arab Saudi.

Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan IMCTC kali Kedua ini diadakan sebelum berlangsungnya Pameran World Defense Show Edisi Kedua pada 4 hingga 8 Februari 2024 yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan, Kerajaan Arab Saudi.



سورو هنجای فر خدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.



DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. masukkan tanga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.




⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUAN



PERMOHONAN PERKHIDMATAN AWAM

Pelancaran Buku Masjid-Masjid Brunei Darussalam

GADONG, Ahad, 4 Februari. - Buku yang bertajuk Masjid-Masjid Brunei Darussalam (Mosques of Brunei Darussalam) telah dilancarkan petang tadi bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Buku berkenaan diterbitkan bertujuan untuk menonjolkan sejarah masjid-masjid utama di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan seluruh dunia.

Majlis Pelancaran Buku berkenaan disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang

Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, yang juga selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa selamat, diikuti dengan ucapan daripada Pengurus Majlis yang juga pengarang buku berkenaan, Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

Seterusnya, ucapan alu-aluan dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Buku berkenaan mengandungi banyak rujukan sejarah yang diketengahkan termasuk daripada kitab suci Al-Quran mengenai masjid dalam sejarah Islam dan hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tentang adab memasuki sesebuah masjid.

Di samping mengandungi sejarah masjid-masjid utama di NBD, buku berkenaan juga mengongsikan tentang



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

bagaimana dan mengapa Allah Subhanahu Wata'ala menyelamatkan beberapa buah masjid penting daripada kemungkinan kerosakan.

Selain itu, ia juga menceritakan pengalaman pengarangnya melalui lawatan-lawatan peribadi beliau ke masjid-masjid di luar negara.

Penerbitan buku Masjid-Masjid Brunei Darussalam adalah diharapkan sebagai sumber pengetahuan dan rujukan kepada orang ramai di samping menjadi sumbangan ke arah pembangunan masjid-masjid masa depan di NBD.


Pengarang buku Masjid-Masjid Brunei Darussalam,



DATO Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim selaku pengarang buku berkenaan semasa berucap.

ialah Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif merupakan bekas Pengarah Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Istana Nurul Iman.

Beliau berkelulusan PhD dalam pengajian Antropologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia serta Sarjana Falsafah dalam Antropologi dari Universiti Cambridge United Kingdom.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kiri). Manakala gambar kanan, buku yang bertajuk Masjid-Masjid Brunei Darussalam (Mosques of Brunei Darussalam) telah dilancarkan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.



SENTIASA PERBAIKI, LENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU PENGETAHUAN

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PENERUSI Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara selaku tetamu khas bagi program Malam Munajat anjuran KHEU kali Ke-123. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan warga kerja di bawah KHEU.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Februari. - Tujuan hidup kita adalah untuk beribadah dan sebagai Khalifah. Kedua-duanya memerlukan kita untuk sentiasa memperbaiki diri dengan lengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, pemikiran yang betul,

akidah yang kuat, serta berakhlik mulia.

Dalam masa yang sama, hendaklah mengajak orang lain untuk sama-sama memperbaiki diri. Setiap orang mempunyai tanggungjawab mengajak orang lain kepada kebaikan dan mengajak

kepada kebaikan itu hendaklah dengan hikmah.

Perka berkenaan antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin, dari Masjid Hassanal Bolkiah

sebagai salah satu pengisian program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-123.

Acara Malam Munajat berkenaan mengundang tetamu khas, Pengurus Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara, Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad, yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dari Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Bersama mengimarahkan acara Malam Munajat berkenaan tadi ialah siswa dan siswa Diploma 'Aliyah Qira'at dan para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHB); Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta jemaah Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; dan Masjid Hassanal Bolkiah; serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat dari seluruh negara berjumlah 71 buah.

Juga menyerikan acara Malam Munajat ialah warga kerja di bawah KHEU bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha diteruskan dengan bacaan Surah Ad-Dukhan beramai-ramai dipimpin oleh Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin, Siswa Tahun 2 Diploma

'Aliyah Qira'at ITQSHB dari Musolla ITQSHB.

Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Pusat Ilmu Teras Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Mohamed Noor bin Haji Ibrahim, dari Musolla ITQSHB.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Zikir Al-Maghfirah Wa Al-Rahmah dipimpin oleh siswa-siswi Diploma 'Aliyah Qira'at dan para pelajar ITQSHB dari Musolla ITQSHB.

Bagi mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Awang Haji Muhammad Yadi bin Haji Yussof, dari Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta meraffakan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap.

BERAKAS, Sabtu, 3 Februari. - Pembentukan Sistem Makmal Kesihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam adalah berdasarkan kepada Peraturan Kesihatan Antarabangsa (International Health Regulations IHR 2005) dan Penilaian Pelaksanaan IHR yang telah dibuat oleh Pasukan Penilaian Luaran Bersama (iaitu Joint External Evaluation- JEE) pada tahun 2019 yang lalu.

Memandangkan Negara Brunei Darussalam (NBD) belum ada dasar panduan sistem makmal pada peringkat kebangsaan secara rasmi bagi menyelaraskan standard makmal-makmal rujukan kebangsaan dengan makmal-makmal kerajaan dan swasta, satu pendekatan komprehensif bagi mengukuhkan makmal-makmal di seluruh NBD telah diungkayahkan melalui sistem makmal yang mengikut panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia dan piawaian-piawaian yang diiktiraf antarabangsa seperti ISO 15189 dan ISO 17025.

Menteri Kesihatan, Yang

Mewujudkan sistem makmal berkualiti, memenuhi keutamaan kesihatan negara



BERAKAS, Sabtu, 3 Februari. - Pengarah Perkhidmatan Makmal di Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Surita binti Haji Mohamad Taib berkata bahawa kita sedia maklum khidmat makmal dari pelbagai disiplin memainkan peranan yang amat penting dalam kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan kerana makmal menjalankan ujian-ujian bagi mengesan pelbagai jenis benda termasuk kuman patogen, toksin atau racun yang boleh membahayakan keselamatan awam.

Dalam pada itu, jelasnya, perkhidmatan makmal yang berkualiti, mudah diakses, selamat, boleh dipercayai dan memenuhi keutamaan kesihatan Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan objektif utama bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Alhamdulillah dengan adanya Sistem Makmal Kesihatan

PENDEKATAN KOMPREHENSIF KUKUHKAN MAKMAL NBD

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap demikian pada Majlis Pelancaran Sistem Makmal Kesihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, hari ini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menyatakan bahawa dokumen buku edisi pertama - Sistem Makmal Kesihatan Kebangsaan NBD (Brunei Darussalam National Health Laboratory System - BDNHLS) yang telah dihasilkan itu adalah kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dalam bidang makmal dari pelbagai disiplin yang mengandungi rangka sistem, dasar, objektif, strategi perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pemantauan serta elemen-elemen utama bagi sistem makmal.

"Buku ini akan dijadikan sebagai rujukan dalam merangka mekanisme dalam pelesenan makmal swasta bagi mendukung undang-undang seperti Private Healthcare Institution Order; Animal (Disease and Quarantine) Order; dan Public Health (Food) Act," kata Yang Berhormat lagi.

BDNHLS ini jelas Yang Berhormat, akan memberi penekanan kepada beberapa perkara yang mendorong kepada kecemerlangan, kepuasan pelanggan yang lengkap dan peningkatan kualiti yang berterusan.

Pada peringkat awal ini, pembentukan dan pelaksanaan BDNHLS akan mencapai dua tindakan utama iaitu, pertama, memperkuatkannya mekanisme

perkongsian maklumat dan kepakaran makmal melalui Joint National Taskforce for Zoonotic Diseases, dan kedua, mewujudkan mekanisme kebangsaan untuk perlesenan makmal berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat, sebuah Jawatankuasa Pandu iaitu Jawatankuasa Sistem Makmal Kesihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Health Laboratory System Committee - BDNHLS-C) telah ditubuhkan yang akan dipengerusikan bersama oleh Timbalan Setiausaha Tetap Profesional Kementerian Kesihatan dan Timbalan Setiausaha Tetap Kedua KSSUP dengan ahli-ahlinya terdiri daripada pelbagai agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta.

Jawatankuasa ini kata Yang Berhormat, ditubuhkan untuk mengawasi, memastikan dasar dan objektif BDNHLS dilaksanakan dengan betul dan berkesan termasuk dengan mengesahkan komitmen dan sokongan kerajaan terhadap organisasi dan pengurusan perkhidmatan makmal yang cekap, kos efektif dan mampan; membangun dan melaksanakan dasar-dasar negara, rangka kerja pengawalseliaan yang menyokong dan struktur organisasi dan pengurusan yang berkesan; memperkuatkannya perkhidmatan makmal bagi menyokong diagnosis, rawatan, pengawasan, pencegahan dan kawalan penyakit.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, ia juga bagi mewujudkan standard kebangsaan bagi sistem kualiti makmal; memastikan makmal yang berkualiti melalui sistem kualiti

yang telah ditetapkan; mempunyai sumber kewangan dan sumber manusia bagi memenuhi keperluan perkhidmatan makmal; memastikan kecekapan dan keberkesaan sistem makmal; untuk komited kepada nilai-nilai etika dalam amalan makmal, termasuk kerhsiahan pesakit, pematuhan kepada tatakelakuan profesional dan amalan penyelidikan etika; dan menggalakkan penyelidikan dan kerjasama bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan makmal.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menjelaskan, Jawatankuasa Pandu BDNHLS-BDNHLS-C itu akan didukung oleh Kumpulan Kerja Teknikal Makmal Kebangsaan (National Laboratory Technical Working Group - NLTWG) yang dipengerusikan bersama oleh Ketua-ketua Jabatan Perkhidmatan Makmal dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan; Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan, KSSUP, serta ahli-ahli sekretariat dan kumpulan kerja bagi kategori Pendaftaran dan

Perlesenan; Kualiti dan Pematuhan, Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Persekutuan (HSSE) serta Penyelidikan dan Perkembangan.

Dengan pelantikan Jawatankuasa BDNHLS-C dan NLTWG ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya mengingatkan bahawa adalah amat penting bagi semua ahli-ahli, untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing, untuk mempunyai keyakinan dan *mindset* yang positif, semangat teamwork dan komitmen yang tinggi, kesepadan, penyejajaran serta kerjasama yang erat demi mencapai matlamat yang dirancang dengan berkonsepkan Whole of Nation Approach daripada semua pihak, untuk memberi impak kepada kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan dengan mengutamakan kecemerlangan, kepuasan pelanggan yang lengkap dan peningkatan kualiti yang berterusan; agar dapat menghasilkan kejayaan yang dihasratkan demi kemajuan dan demi mencapai Wawasan Brunei 2035.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (kiri dan bawah kanan). Manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyerahkan Buku-buku BDNHLS (atas kanan).

Perkhidmatan Makmal dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perikanan serta Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis turut menyaksikan penyerahan Buku-buku BDNHLS kepada pihak-pihak berkepentingan dan Ahli-ahli Jawatankuasa BDNHLS yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis pelancaran juga menyaksikan tayangan sebuah video yang merumuskan BDNHLS yang merupakan satu dokumen yang menggariskan rangka sistem kesihatan khusus bagi sektor kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan.

Dokumen berkenaan mengandungi polisi Makmal Kesihatan Kebangsaan, strategi dan objektif-objektif bagi elemen-

elemen utama perkhidmatan makmal. Visi BDNHLS adalah perkhidmatan makmal yang berkualiti dan mudah diakses oleh semua penduduk di NBD.

Manakala misi BDNHLS pula adalah untuk mewujudkan dan mengekalkan sistem makmal yang berkesan dan mudah diakses yang menyokong penjagaan klinikal, mengesan dan mencegah penyakit serta pelbagai jenis ancaman kesihatan awam di NBD.

Objektif Utama BDNHLS adalah mewujudkan sistem makmal yang berkualiti, selamat, boleh dipercayai dan memenuhi keutamaan kesihatan NBD bagi mencapai Wawasan Brunei 2035. Sistem makmal juga perlu memberi penekanan kepada kecemerlangan, kepuasan pelanggan yang lengkap dan peningkatan kualiti yang berterusan.

Pembentukan dan pelaksanaan BDNHLS akan dicapai melalui dua tindakan utama iaitu Pengukuhkan mekanisme perkongsian maklumat

dan kepakaran makmal melalui Joint National Taskforce for Zoonotic Diseases dan mewujudkan mekanisme kebangsaan untuk perlesenan makmal.

Sistem tersebut memfokuskan kepada 13 elemen, iaitu *financial considerations*, rangka kerja regulatori, carta organisasi, organisasi sistem makmal, piawaian makmal, tenaga kerja makmal, sistem pengurusan kualiti, infrastruktur makmal, peralatan dan penyelenggaraannya, pengurusan rantaian bekalan, keselamatan makmal dan pengurusan sisa, sistem pengurusan maklumat makmal, penyelidikan dan pembangunan serta kerjasama awam-swasta.

Jawatankuasa BDNHLS komited untuk bekerjasama untuk memberi impak kepada kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan dengan mengutamakan kecemerlangan, kepuasan pelanggan yang lengkap dan peningkatan kualiti yang berterusan.





YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyampaikan perutusannya sempena Hari Kanser Sedunia 2024.

>> Muka 1

Jumlah ini meningkat dari setahun yang lalu iaitu sebanyak 682 kes pada tahun 2021. Pada tahun yang sama, sejumlah 267 kes kematian akibat penyakit kanser telah dilaporkan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Hari Kanser Sedunia 2024 seterusnya menjelaskan pecahan jenis-jenis penyakit kanser yang lazim bagi golongan lelaki adalah kanser kolorektal (66 kes), kanser prostat (33 kes) dan kanser paru-paru (32 kes).

Manakala bagi golongan wanita pula, jenis-jenis kanser yang lazim adalah kanser payudara (131 kes), kanser rahim (71 kes)

Merangka strategi tangani ancaman penyakit kanser

■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

dan kanser kolorektal (51 kes).

Untuk menangani isu ini ujar Yang Berhormat, tindakan di semua peringkat kontinum penjagaan kanser (*cancer care continuum*), iaitu dari pengesanan awal, rawatan dan penjagaan akhir hayat (*end-of-life care*) adalah sangat penting.

"Pemeriksaan saringan juga perlu diutamakan dalam melawan penyakit kanser kerana ia yang dapat mengesan penyakit kanser di peringkat awal sebelum merebak ke peringkat yang lebih lanjut.

"Pemeriksaan saringan sememangnya dapat menyelamatkan nyawa dan dengan intervensi awal ia boleh meningkatkan prognosis dan survival pesakit."

"Alhamdulillah, pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan telah melancarkan Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme) iaitu satu program yang menyediakan pemeriksaan saringan bagi beberapa penyakit kanser yang penting termasuk bagi kanser kolorektal, payudara dan pangkal rahim (serviks)," terang Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, pemeriksaan saringan bagi penyakit kanser yang ditawarkan di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan ini adalah percuma bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan boleh di dapat di

keempat-empat daerah.

Pada bulan Julai 2023 pula katanya, Kementerian Kesihatan telah melancarkan satu ciri iaitu 'Penilaian Risiko' bagi kanser kolorektal dalam aplikasi BruHealth.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan, ciri ini membolehkan individu-individu untuk mengetahui risiko mereka bagi kanser kolorektal, dan bagi mereka yang layak untuk membuat ujian saringan yang berpotensi menyelamatkan nyawa mereka.

Melalui ciri ini dalam aplikasi BruHealth, Yang Berhormat menerangkan pengguna perlu melengkapkan soal selidik yang akan menentukan sama ada mereka disarankan untuk menjalani ujian saringan bagi kanser kolorektal.

Jika disarankan katanya, mereka bolehlah membuat tempahan perjanjian di klinik dan pusat kesihatan yang berkenaan melalui aplikasi BruHealth.

Sejak pengenalan ciri ini dalam aplikasi BruHealth, iaitu sepanjang enam bulan yang lepas, lebih daripada 8,000 pengguna telah melengkapkan soal selidik kanser kolorektal tersebut.

Yang Berhormat menyatakan lagi, hampir 900 pengguna telah disarankan untuk menjalani ujian saringan bagi kanser kolorektal.

Namun, kurang daripada 10 peratus daripada pengguna yang telah disarankan untuk menjalani

ujian saringan telah membuat perjanjian di pusat kesihatan.

Oleh itu ucap Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sangat menggalakkan orang ramai untuk menggunakan ciri Penilaian Risiko ini, dan untuk membuat tempahan serta menghadiri perjanjian mereka di pusat kesihatan, sekiranya mereka telah disarankan untuk menjalani pemeriksaan saringan.

"Ciri ini adalah penting bagi individu-individu untuk mengetahui risiko mereka dengan lebih awal dan untuk mengambil peluang ini demi kesihatan diri sendiri."

"Dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk mengukuhkan lagi Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan ini, rancangan untuk memperkenalkan ciri tambahan ke dalam aplikasi BruHealth telah pun berjalan untuk memudahkan dan meningkatkan penyertaan bagi pemeriksaan saringan kanser serviks dan kanser payudara.

"InsyaaAllah, ciri-ciri ini akan dapat diakses dalam aplikasi BruHealth dalam beberapa bulan yang akan datang," jelasnya.

Di samping pengesanan awal, Yang Berhormat menyeru agar setiap individu memperkasakan diri untuk menjaga kesihatan mereka masing-masing bagi mencegah atau mengurangkan risiko penyakit kanser dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut iaitu Berhenti merokok dan mengelakkan dari

terdedah kepada asap rokok; Mengelakkan berat badan yang sihat; Mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang termasuk memastikan kecukupan (2 - 3 bahagian) pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran dan mengurangkan diet berlemak yang berlebihan; Melakukan kegiatan fizikal - sekurang-kurangnya 30 minit kegiatan fizikal sehari dalam lima hari atau lebih dalam seminggu.

Dalam menyambut Hari Kanser Sedunia pada tahun ini ujar Yang Berhormat lagi, sama-sama kita mengingati ahli keluarga dan rakan-rakan kita yang telah meninggal dunia disebabkan oleh penyakit kanser, mereka yang sedang melawan penyakit kanser, dan juga mereka yang sedang di dalam remission.

"Sebagai seorang individu, kita mungkin pernah terjejas atau mengenali seseorang dengan penyakit kanser, jadi kita semua haruslah mengambil langkah-langkah positif untuk mengurangkan risiko kanser pada diri sendiri dengan menjalani ujian saringan jika layak, ataupun dengan menjalani gaya hidup yang sihat."

"Marilah kita semua komited dalam menjaga kesihatan masing-masing dan bekerjasama untuk mencapai visi 'Bersama ke Arah Warga Sihat' selaras dengan Matlamat Kedua dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu Kualiti Kehidupan Yang Tinggi,' tambahnya lagi.

EKSPO SEDIAKAN PUSAT INFORMASI SEHENTI PENGAJIAN TINGGI



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Ekspo Pengajian Tinggi Ke-9 merupakan aktiviti tahunan yang diungkayahkan oleh Kementerian Pendidikan. Fokus utama ekspo ini adalah bagi menyediakan Pusat Informasi Sehenti (One Stop Information Centre) Pengajian Tinggi.

Di samping itu, ekspo ini juga memberikan peluang kepada orang ramai khususnya pelajar untuk bersemuka dengan pihak institusi-institusi pengajian tinggi serta agensi-agensi Sektor Pendidikan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Ekspo ini akan menyediakan landasan digital bagi Webinar (seminar secara dalam talian) untuk penjelasan pelbagai topik berkaitan peluang dan proses bagi akses ke pasca menengah dan pengajian tinggi.

Sebanyak 47 petak pameran yang terdiri daripada jabatan-jabatan Kementerian Pendidikan, institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara serta kedutaan-

kedutaan dan juga agensi-agensi yang berkaitan ikut serta semasa ekspo tersebut.

Antara institusi pengajian tinggi awam yang menyertai adalah Universiti Brunei Darussalam; Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Universiti Teknologi Brunei; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Politeknik Brunei; Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan Pusat Pembangunan Belia.

Manakala institusi pengajian tinggi swasta adalah Laksamana College of Business; Cosmopolitan College of Commerce and Technology; Kemuda Institute; Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants Academy Sdn. Bhd.; Jerudong Park Medical Centre College of Health Sciences; Kolej International Graduate Studies; HADtech College; Micronet International College; dan Mahakarya Institute of the Arts Asia.

Ekspo juga turut disertai oleh 15 buah institusi dari luar negara iaitu Okayama University dari Jepun; Singapore University of Social

Sciences, Singapore Management University dan National Institute of Education, Nanyang Technological University dari Singapura; i-CATS University College, University of Technology Sarawak, Universiti Islam Selangor, Swinburne University of Technology Malaysia Campus, Centre for Technology Excellence Sarawak, Management and Science University dari Malaysia; Education in Ireland, Irish Universities and Medical Schools Consortium dan University College Dublin dari Ireland, University of Western Australia dari Australia; dan St. Mary University, Twickenham dari United Kingdom.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga akan membarangkan maklumat-maklumat terkini seperti Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi atau Higher Education Centralized Admission System (HECAS), biasiswa-biasiswa kerajaan dan permohonan bagi mendapatkan pengiktirafan kursus atau kelulusan.

Jabatan-jabatan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan yang menyertai ekspo adalah Jabatan Pengajian Tinggi; Jabatan Pengurusan Biasiswa; Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan; Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat; Jabatan Pengurusan Pendidik; dan Unit Pendidikan Kerjaya dari Jabatan Sekolah-Sekolah.

Sementara itu, kedutaan-kedutaan, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang turut serta dalam ekspo ini adalah seperti berikut



YANG Berhormat semasa menyaksikan pameran pada ekspo tersebut.

iaitu Kedutaan Jepun; Kedutaan Amerika Syarikat; Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri; Brunei Shell Petroleum; Imagine Sdn. Bhd.; Bank Islam Brunei Darussalam; Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei Group of Companies; Royal Brunei Airline Sdn. Bhd.; Paradigm Scholar Agency; Findlay (B) Sdn. Bhd.; HRDS Educational Services; CfBT Educational Services; Beyond Tomorrow; Mahkota Maju Sdn. Bhd.; Joffren Omar Company Sdn. Bhd.; Avicenna Resources dan L&P Consultant Services dari Malaysia.

Ekspo ini adalah dibukakan kepada orang awam, khususnya pelajar lepasan menengah (lepasan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level) dan pra-universiti (Brunei-Cambridge GCE 'A' Level) atau yang berkelulusan sebanding dengannya yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk mereka yang ingin mengembangkan kemahiran

secara upskilling (meningkatkan kemahiran yang ada) dan reskilling (mempelajari kemahiran baharu yang lain).

Institusi-institusi tersebut akan mengongsikan program-program seperti National Technical Education Certificate (NTec); Higher National Technical Education Certificate (HNtec); Diploma; Ijazah Sarjana Muda; Ijazah Sarjana; sehingga program Ijazah Kedoktoran.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ekspo tersebut boleh melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn dan laman sesawang Jabatan Pengajian Tinggi di <https://hiedbrunei.moe.gov.bn> dan melalui laman Instagram @moe_brunei dan @hiedbrunei.

Orang awam terutama para pelajar dan ibu bapa adalah dialulukan untuk berkunjung ke Ekspo Pengajian Tinggi Ke-9, Tahun 2024 yang diadakan di Dewan 2, BRIDEX Jerudong dan seterusnya mengikuti Sesi Webinar.

BERGANDING BAHU MENINGKATKAN KESELAMATAN SIBER



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bergambar ramai semasa menghadiri Mesyuarat Menteri Digital ASEAN (ADGMIN) Ke-4 dan Rakan Dialog dan Pembangunan ASEAN di Republik Singapura.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Februari. - Mesyuarat Menteri Digital ASEAN (ADGMIN) Ke-4 diadakan pada 1 hingga 2 Februari 2024 di Republik Singapura.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menghadiri Mesyuarat ADGMIN Ke-4 dan Rakan Dialog dan Pembangunan ASEAN yang berkaitan dengan China, Jepun, Republik Korea, India,

Amerika Syarikat dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

Dengan tema 'Building an Inclusive and Trusted Digital Ecosystem', ADGMIN Ke-4 dipengerusikan oleh Menteri Perhubungan dan Penerangan, Republik Singapura, Puan Yang Terutama Josephine Teo.

Perbincangan mesyuarat tertumpu pada tadbir urus kecerdasan buatan (AI), strategi untuk memerangi penipuan dan

keperluan untuk meningkatkan langkah keselamatan siber.

Mesyuarat meluluskan pelan kerja ADGSOM-ATRC 2024 antaranya dua projek sedang diterajui oleh Negara Brunei Darussalam iaitu 'Govstackinitiative ASEAN' dan 'Established ASEAN Internet Exchange Network'.

ADGMIN juga mengesahkan Panduan ASEAN mengenai Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan (AI), yang menetapkan pendekatan ASEAN ke arah mentadbir dan memanfaatkan kuasa AI; Model Kewangan CERT Serantau ASEAN yang membentarkan operasi CERT

Serantau ASEAN, satu inisiatif utama di bawah Strategi Kerjasama Keselamatan Siber ASEAN 2021-2025; dan menegaskan semula kepentingan untuk meningkatkan infrastruktur digital yang selamat, pelbagai dan berdaya tahan dalam ASEAN.

Mesyuarat itu juga mengiktiraf kemajuan baik yang dicapai dalam melaksanakan Pelan Induk Digital ASEAN 2025 (ADM 2025) dan menggalakkan Negara-negara Anggota ASEAN untuk melaksanakan cadangan yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal ADM FINAL 2025 untuk mengukuhkan lagi usaha inklusif dan kesalinghubungan digital serantau serta membina ekosistem digital.

Dalam bertukar-tukar pandangan mengenai pembangunan dalam sektor digital dalam ASEAN, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi

berkongsi mengenai inisiatif utama dari Negara Brunei Darussalam, iaitu Identiti Digital, Hab Pembayaran Digital dan Hab Maklumat Kebangsaan.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga memberi perhatian tentang risiko ancaman siber dan penipuan dalam talian dalam landskap ancaman keselamatan siber Negara Brunei Darussalam.

Menyedari sifat transnasional ancaman siber dan penipuan dalam

talian ini, Negara Brunei Darussalam mengalau-alukan penubuhan sebuah 'ASEAN Working Group on Anti-Online Scam' di mana inisiatif ini membolehkan Negara-negara Anggota ASEAN secara kolektif memerangi isu serius ini melalui perkongsian maklumat dan penguatkuasaan yang diselaraskan.

Kumpulan kerja itu dijadualkan akan mengadakan pertemuan julung kalinya semasa Retreat Pemimpin ADGSOM-ATRC bulan depan di Phnom Penh, Kembboja.

Sebelum Mesyuarat ADGMIN Ke-4, Ahli-ahli Rasmi Kanan Negara Anggota ASEAN telah menghadiri Mesyuarat Rasmi Kanan Digital ASEAN (ADGSOM) Ke-4 bermula dari 30 hingga 31 Januari 2024.

Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim atas kapasiti beliau sebagai pemimpin ADGSOM Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, Ketua Eksekutif, Pihak Berkua Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar, bersama-sama pegawai kanan kementerian berkenaan dan AITI.

Kempen membersihkan kawasan Kompleks Berjaya



KEMPEN Kebersihan Bersepadu kendalian Jabatan Daerah Tutong (JDT) telah diadakan di kawasan Bangunan Kompleks Berjaya, dengan melibatkan beberapa buah agensi kerajaan di daerah berkenaan (atas dan bawah kanan).

TUTONG, Sabtu, 3 Februari. - Kempen Kebersihan Bersepadu kendalian Jabatan Daerah Tutong (JDT) telah diadakan di kawasan Bangunan Kompleks Berjaya, dengan melibatkan beberapa buah agensi kerajaan di daerah berkenaan.

Kempen tersebut merupakan salah satu inisiatif dan usaha JDT dalam menjaga kebersihan dan keselamatan orang awam, memfokuskan kepada sampah sarap yang berselerak dan longkang-longkang yang kotor dan tersumbat.

Hadir bagi mengetuai kempen ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Awang Mohammad Sofian mengongsikan antara tujuan kempen diadakan, iaitu untuk memastikan kebersihan

Kompleks Berjaya.

"Walaupun ia merupakan tindakan reaktif, ia juga dilihat sebagai tindakan proaktif, memberikan kesedaran kepada pengunjung, khususnya bagi penyewa dan pemilik bangunan untuk sama-sama menjaga kebersihan persekitaran kompleks. Secara umumnya, di mana pun kita sama-sama berperanan menjaga kebersihan persekitaran kitani," ujarnya.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, wakil-wakil daripada agensi kerajaan, antaranya Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Kerja Raya; Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi; Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Tutong; Pejabat Kesihatan Tutong, pemimpin akar umbi serta Majlis

Perundingan Mukim Pekan Tutong dan para peniaga di kawasan kompleks berkenaan.

Pemilik-pemilik bangunan, penyewa, peniaga-peniaga dan orang ramai juga adalah dinasihatkan untuk sama-sama menjaga kebersihan bukan saja di tempat-tempat awam tetapi juga di kediaman masing-masing.

Kesalahan membuang sampah dan kotoran di tempat awam boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021 iaitu mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini, jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, dihukum

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri semasa ditemu bual.



Penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau keduanya sekali.

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan JDT (BPPJDT) akan berterusan untuk memastikan penguatkuasaan Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian Pindaan 2021



ACYPPE : PUPUK KERJASAMA PELBAGAI BIDANG MELALUI PROGRAM PERTUKARAN

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

WILAYAH FUJIAN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Ahad, 4 Februari. - Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, baru-baru ini menghadiri Majlis Pelancaran Tahun 2024 Sebagai Tahun Pertukaran Rakyat-ke-Rakyat Bagi ASEAN-China (2024 as the ASEAN-China Year of People-to-People Exchanges - ACYPPE) di Bandar Fuzhou, Wilayah Fujian, Republik Rakyat China pada 1 hingga 2 Februari 2024.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.

Tahun 2024 ditetapkan oleh Ketua-ketua negara ASEAN dan Republik Rakyat China sebagai ACYPPE, untuk memupuk kerjasama pelbagai bidang termasuk budaya, pendidikan, belia, pelancongan, dan sukan, dan untuk mengeratkan hubungan

rakyat dengan rakyat melalui pelbagai program pertukaran.

Majlis Perasmian Pelancaran Tahun 2024 sebagai ACYPPE berlangsung di Fuzhou Straits International Conference and Exhibition Center, dan disempurnakan oleh State Councilor, dan President of All China Women's Federation, Puan Yang Terutama Shen Yiqin bersama Timbalan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Kikeo Khaykhamphithoune.

Terdahulu sebelum majlis perasmian, Dayang Hajah Nor Ashikin juga menghadiri Mesyuarat Kolektif yang dipengerusikan oleh PYT Shen Yiqin dengan kehadiran kesemua wakil Ahli Negara ASEAN, Republik Rakyat China dan Timor Leste.

Seterusnya, rombongan menghadiri Pelancaran ASEAN-China Spring Festival di Maritime Silk Road Culture Square, Fuzhou.

Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Muzium-Muzium Brunei, KKBS turut serta dalam perayaan berkenaan dengan



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa bergambar ramai pada Majlis Pelancaran berkenaan. Turut hadir ialah Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China.

mempamerkan permainan tradisi Melayu Brunei, iaitu permainan congkak, pasang, simban dan lain-lain sebagai warisan budaya tidak ketara NBD kepada Republik Rakyat China dan delegasi ASEAN.

Turut dianjurkan ialah beberapa dialog yang membincangkan tiga tajuk utama mengenai wanita, belia dan kebudayaan.

Dayang Hajah Nor Ashikin juga ikut serta dengan menyampaikan

ucapan dalam dialog bertajuk 'Diverse Perspectives for a Shared Future'.

Dalam ucapannya, beliau berkongsi mengenai inisiatif NBD ke arah pembangunan belia selaku aset negara yang mempunyai kepentingan seperti penglibatan dalam penggubalan dasar, termasuk selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Dayang Hajah Nor Ashikin juga

turut menekankan kepentingan ke arah menggalakkan kesukarelawanan dan kerja kemasyarakatan bagi membentuk kumpulan belia yang penyayang dan mempunyai nilai-nilai murni.

Selain itu tambahnya, belia juga harus dilengkapkan dengan kemahiran yang relevan ke arah mempersiapkan 'Belia Siaga Masa Depan'.

>> Muka 9



PENGETUA ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada penerima.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Februari. - Majlis Haflut Takreem Wattarheeb Diploma 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Quran diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para siswa dan siswi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat yang meraih keputusan cemerlang pada tahun 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat

di majlis tersebut ialah Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Juga hadir sama timbalan-timbalan Pengetua, para pensyarah, pegawai, guru-guru serta siswa dan siswi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan diteruskan dengan persempahan bacaan ayat-ayat

Penghargaan kepada pelajar cemerlang ITQSHHB

suci Al-Quran oleh siswa Tahun 3 Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat ITQSHHB, Awang Muhammad Azib bin Muhammad Azim.

Diikuti dengan ceramah motivasi sebelum menghadapi peperiksaan serta sesi kongsi sama yang disampaikan oleh Awang Mohammad Fikri bin Haji Sharbini.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian hadiah dan anugerah kepada para siswa dan siswi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat serta penyampaian sijil kepada mantan Nadi Diploma

Tertinggi 'Aliyah Qiraat atas segala komitmen dan kesungguhan yang telah disumbangkan sepanjang sesi 2022/2023.

Majlis juga turut diselanjurkan dengan penyerahan tugas dan lantikan jawatan Nadi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat yang baharu bagi sesi 2023/2024.

CERAMAH motivasi sebelum menghadapi peperiksaan serta sesi kongsi sama disampaikan oleh Awang Mohammad Fikri bin Haji Sharbini (kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Mengukuhkan Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 7 Februari 2024
- 'Lakukan Perubahan Dalam Mencegah, Merawat Kanser'. Tarikh Tutup : 14 Februari 2024
- 'Lindungi Hidupan Liar Kitani'. Tarikh Tutup : 21 Februari 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

MAJLIS TAKREEM AL-QURAN RAIKAN PELATIH PPB TAMAT KURSUS

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



TANAH JAMBU, Sabtu, 3 Februari. - Majlis Takreem Al-Quran Sempena Tamat Kursus khusus bagi para Pelatih Program Pembangunan Belia Sesi 2023 yang akan menamatkan kursus di Pusat Pembangunan Belia (PPB) penghujung bulan Februari 2024 ini diadakan pagi tadi di Dewan Binadiri, PPB.

Hadir selaku tetamu kehormat, Penolong Pengarah, Ketua PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Acara turut dihadiri oleh para pegawai, kakitangan PPB dan para ibu bapa serta penjaga

pelatih PPB Sesi 2023.

Majlis Takreem Al-Quran Program Pembangunan Belia ini adalah aktiviti tahunan bagi Unit Hal Ehwal Pelatih anjuran Bahagian Kerohanian dan Keugamaan dan salah satu kegiatan keugamaan bersempena tamat kursus bagi setiap tahun.

Seramai 91 pelatih mengikuti majlis terdiri daripada 49 pelatih lelaki dan 42 pelatih perempuan dengan objektif bagi memartabatkan dan memuliakan Al-Quran dalam kalangan para pelatih di mana sebelum ini



PENOLONG Pengarah, Ketua PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Takreem Al-Quran Sempena Tamat Kursus khusus bagi para Pelatih Program Pembangunan Belia Sesi 2023 (atas dan atas kiri).

para pelatih digalakkan untuk membaca Al-Quran setiap Jumaat iaitu Surah Al-Kahfi dan beberapa surah pilihan selepas Sembahyang Fardu Maghrib.

Terlebih dahulu, majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Selawat Tafrijiyah dan Surah-surah

pilihan beramai-ramai.

Majlis diserikan dengan alunan dikir oleh kumpulan lepasan Pelatih PPB yang diselajurkan dengan merenjis minyak wangi.

Bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Keugamaan dan

Akademik Majlis perwakilan Pelatih PPB, Awang Mohammad Ezarul Ezwan @ Maszrul bin Radiwan dan diselajurkan dengan penyampaian sijil kepada para pelatih PPB yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

ACYPPE : Pupuk kerjasama pelbagai bidang melalui program pertukaran

>> Muka 8

Pada akhir ucapan, Dayang Hajah Nor Ashikin berharap adanya platform baharu diwujudkan bagi mengembangmajukan hubungan yang lebih kukuh antara ASEAN-China melalui program pertukaran dan interaksi dalam kalangan belia.

Untuk terus memupuk pertalian budaya, persefahaman yang lebih mendalam dan persahabatan yang erat antara rakyat Negara Anggota ASEAN dan Republik Rakyat China, Pusat ASEAN-China (ASEAN China Centre), dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Rakyat China dan Persatuan Rakyat China untuk Persahabatan dengan Negara-negara Asing (China People Association for Friendship with Foreign Countries) menganjurkan Peraduan Reka Cipta Logo ACYPPE.

Lebih kurang 1,300 penyertaan dari Negara ASEAN dan Republik Rakyat China menyertai peraduan berkenaan termasuk dari NBD.

Salah seorang peserta dari NBD, Dayang Huifong Ng, telah diumumkan sebagai salah seorang pemenang daripada lima pemenang di tempat ketiga.

Dayang Huifong Ng merupakan seorang artis potret yang memenangi banyak anugerah, juga seorang penyair, pengarang, pendidik seni dan pengasas Galeri Seni Huifong, sebuah galeri perundingan seni profesional dengan kerjasama antarabangsa dan serantau.

Beliau juga merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Persatuan Persahabatan Brunei-China.

Hadir mengiringi Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS ialah para pegawai kanan dari KKBS.



CHRISTIAN Benjamin David kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Muhammad Daud semasa melafazkan ikrar pengislamannya yang disempurnakan di hadapan para pegawai serta kakitangan Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI dan seterusnya menerima cenderahati (atas dan bawah).

di Negara Brunei Darussalam terus berkembang dengan lapan orang telah memeluk agama

Islam di Daerah Brunei dan Muara sejak awal Januari 2024 hingga 26 Januari 2024.



سورو هنجای قر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARikh UJIAN / TEMU DUGA AWDA?



Layari www.reruitment.gov.bn
dan semak “Kalendar Saya”

+673 7371961 | [PSC.BN](#) | query@spa.gov.bn

JERAYAWARA BARIGA MAKLUMAT ASAS ASEAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



TEMBURONG, Sabtu, 3 Februari. - Dalam hasratnya untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCl mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN kepada 139 pelajar Tahun 9 Sekolah Menengah Sultan Hassan bertempat di bilik persidangan sekolah berkenaan.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Penerangan

dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama, ia dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memungkin hala tuju negara pada satu masa nanti.

Taklimat Jerayawara Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, yang antara lain menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCl mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN kepada 139 pelajar Tahun 9 Sekolah Menengah Sultan Hassan (atas). Manakala gambar kiri, sesi Kuiz ASEAN diadakan.

sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Kuiz ASEAN juga turut diadakan untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar-pelajar mengetahui mengenai ASEAN dan peranan pertubuhan ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Turut dipromosikan semasa taklimat berkenaan ialah aplikasi mudah alih 'We ASEAN' yang mengandungi maklumat mengenai ASEAN dan negara-negara anggota ASEAN (ASEAN Member

States), kalender ASEAN, galeri gambar dan video.

Aplikasi ini merupakan salah satu projek di bawah SCI ASEAN-COCl. Ia boleh dimuat turun melalui Google Play bagi pengguna Android and App Store bagi pengguna iOS. Turut hadir pada jerayawara tersebut, Timbalan Pengetua Pentadbiran, Awang Ziad bin Haji Kula, tenaga pengajar sekolah berkenaan.

TAKLIMAT Jerayawara Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



Pemeriksaan projek hasil pengeluaran SPK perumahan

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Februari. - Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang ditubuhkan pada 15 Julai 2023 telah membolehkan Pengeluaran Rumah bagi Ahli-ahli SPK bermula umur 40 tahun ke atas, di mana pengeluaran sehingga 50 peratus daripada akaun Ahli SPKnya boleh digunakan bukan sahaja untuk tujuan membeli, membina dan membayar balik baki pinjaman rumah, ia juga telah dilaratkan kepada ahli yang ingin mengubah suai dan membaik pulih rumah yang sedia ada.

Oleh itu, sebagai salah satu langkah untuk memastikan kerja-kerja pengubahsuaian rumah dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor, pihak Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan TAP telah membuat lawatan secara rambang ke beberapa projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah yang terletak di kawasan Kampung Salambigar, Kampung Perpindahan Mengkubau dan Kampung Perpindahan Mentiri.

Lawatan seperti ini akan sering kali dibuat sebagai salah satu proses TAP bagi membantu ahli-ahlinya mencapai objektif tujuan pengeluaran SPK rumah. TAP juga ingin menasihatkan Ahli-ahli SPK supaya sentiasa berwaspada dengan syarikat atau kontraktor yang tidak melaksanakan kerja-kerja pembinaan yang dijanjikan atau menawarkan perkhidmatan pengeluaran secara tunai untuk ahli dengan menerima komisen bagi perkhidmatan tersebut.

Pengeluaran perumahan untuk tujuan selain daripada perumahan boleh merugikan ahli apabila ahli memerlukan kewangan tambahan untuk rumah pada masa hadapan.

Pemalsuan dokumen oleh pihak syarikat dan kontraktor seperti menyediakan kontrak atau dokumen-dokumen untuk tujuan mendapatkan kebenaran permohonan pengeluaran rumah tanpa ada sebarang pembinaan, pembelian atau pengubahsuaian rumah adalah menjadi salah satu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan, syarikat atau kontraktor boleh dikenakan hukuman di bawah Bab 35, Perintah Skim Persaraan Kebangsaan 2023 kerana tidak menggunakan bayaran pengeluaran berkaitan dengan rumah adalah denda tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama atau BND10,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Maklumat lengkap mengenai SPK boleh didapati melalui laman sesawang TAP atau akaun rasmi media sosial Facebook TAP dan Instagram @TAP_Brunei.

Orang ramai bolehlah juga menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2722929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn untuk sebarang aduan serta mendapatkan maklumat lanjut.

JAGA SEMBAHYANG, SENTIASA ISTIQAMAH

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin
Pg. Dauddin

KILANAS, Ahad, 4 Februari.
- Sebaik-baik amalan adalah sembahyang, dan sembahyang yang paling afdal adalah sembahyang fardu lima waktu.

Manakala, Sembahyang Fardu Subuh pula disaksikan oleh para malaikat, yang mana di dalam Solat Subuh berkenaan ada *khususiyah* (keistimewaan khas) daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



ANTARA jemaah yang hadir pada Program Geng Subuh Macam Jumaat yang berlangsung di Masjid Kampung Kilanas.

Separuh Jalan Telanai ditutup sementara bermula 5 Februari



JKR ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penutupan sementara separuh jalan di Jalan Telanai.

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Kerja Raya
BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu,
3 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan

ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan di Jalan Telanai, berhadapan

QAF Plaza Shopping Mall (sila rujuk peta).

Penutupan berkenaan akan mula dilaksanakan pada Isnin, 5 Februari hingga Khamis, 8 Februari 2024,

Perkara tersebut dijelaskan oleh Profesor Madya Dr. Haji Gamal Abd Nasir bin Haji Zakaria semasa menyampaikan Kuliah Subuh pada Program Geng Subuh Macam Jumaat anjuran Ahli Jawatkuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa terdapat tiga belenggu daripada syaitan semasa kita

ingin bangun melakukan Sembahyang Fardu Subuh, dan terdapat tiga tingkatan (cara) pula dalam melepaskan belenggu berkenaan.

"Berzikir dan membaca doa, terlepas satu belenggu, seterusnya berwuduk maka terlepas lagi satu belenggu dan yang ketiga adalah dengan melakukan solat bagi melepaskan daripada belenggu yang terakhir," jelasnya.

Beliau kemudiannya

mengingatkan jemaah yang hadir untuk terus istiqamah dan cara yang terbaik untuk istiqamah adalah dengan melakukan sesuatu ibadah berkenaan secara berterusan selama 40 hari.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TATACARA MENGHADIRI

• UJIAN • TEMU DUGA • URUSAN RASMI

1 UJIAN ART MASIH PERLU
DISEMAK OLEH PENGAWAL
KESELAMATAN.



KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH
MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH

2 TUNJUKKAN KOD
BRUHEALTH DAN ART
KEPADA PENGAWAL
KESELAMATAN BANGUNAN.
HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN
MERAH DIBENARKAN MASUK.



3 BAGI YANG MEMPUNYAI
KOD UNGU, HENDAKLAH
MENGHUBUNGKAN PIHK
URUS SETIA PEJABAT SPA
MELALUI ITALIAN PERHUBUNGAN SPA
+673 7371961 query@spa.gov.bn



4 HENDAKLAH MELAPOR
DIRI KEPADA PENGAWAL
KESELAMATAN DI TINGKAT I
TERLEBIH DAHULU.



5 PEMAKAIAN SUNGKUP
MUKA BAGI ORANG RAMAI
YANG DATANG BERURUSAN
KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.



6 HADIR PADA TARIKH
DAN WAKTU YANG
DITETAPKAN BAGI UJIAN
ATAU TEMU DUGA.



7 MESTILAH BERPAKAIAN
KEMAS, SOPAN DAN
MENUTUP AURAT.



8 TERUS BEREDAR SETELAH
SELESAI BERURUSAN.



mulai jam 10.00 malam.

Sebab penutupan adalah bagi memberi ruang kepada pihak UNN untuk melaksanakan kerja-kerja menaik-tinggikan manhole UNN.

Sehubungan dengan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan dinasihatkan untuk mematuhi papan tanda

arah jalan raya serta had kelajuan yang telah ditetapkan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam dan e-mel pro@pwd.gov.bn.

سرداله سوچي

بوروقن ترلالو چينتا دان کاسيهکن دنيا

کېیک: حق کفند قبور یا بت مبواغ طبیعة سوک منابور فته، مبواغ طبیعة کنجیغ مرات-رات، مقری باقىکن سبیعیت تهجد دان مبیتو اورغ بیغ ظالیمی.

کامفت: حق کفند ملاٹکه منکر دان نکر یا بت تیدق بردوستا، منیغکلکن معصیة دان نصیحت-مناصیحی.

کلیم: حق کفند میزان (تیمیعن عمل) یا بت مناهن کمارهن، باقی برذکر، مغایلرلکن عمالن دان سغکرگ منگکرگ کسولین.

کام: حق کفند تبیان صراط یا بت مبواغ طبیعة سوک مغاؤیقت، ورع، سوک مبیتو اورغ بریانان دان سوک بر جماعه.

کوجوه: حق کفند ملاٹکه مالک یا بت باقی منیغیس کران تاکوت کفند عذاب الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ، بربوات بايك کفند کدوا ایبوناف، بر صدقه سجحارا ترغ دان سیبوی سرت مغیرابلوغکن أخلاق.

کلافن: حق کفند ملاٹکه رضوان یا بت رضا کفند قضاۓ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ، بر صبر کېیک منیما بلااء، برشکور کفند نعمت الله دان بر توبة درف دمعصیة.

کسمیلن: حق کفند رسول الله ﷺ یا بت برصلوات کائسن، بر فکلخ دعن شریعة، بر کنیو دعن سنه، مبایشی فارا صحابة دان بر سلیع دام منجاري کلبيهن درف الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى .

کسفولووه: حق کفند الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى یا بت معاچق مائسی کاره کیاکن، منجکه مائسی درف کموغکرن، مبوکای کطاعتن دان مبیجی کمعصیت. اولیه بیغ دمکن، جاعله کيت منجادی اورغ بیغ روکی دان میسل دهاری أخیره کلخ کران کيت ترلالو لالای دان لیکا دعن کلپندهن دان تیقو دای دنیاوي. آخرین سام-سامله کيت بر دعاء سوک کيت دان کلوارک کيت منجادی اورغ-اورغ بیغ بریانان، بر تقوی، بر عمال صالح، تیدق دلایاکن دعن اوروسن هرتا بندنا دنيا دان ستروسن ترکولوغ دام کولوغن اورغ بیغ منداشت کیاکن دنیا دان جوک دأخیره، آمين يا رب العالئن.

تفسیر:

واهي مائسی! سسغکرکن جنحی الله ایت اداله بئر مک جاعله سکالی-کالی کهیدوفن دنيا ایت مقرداکن کامو دان جاعله قول سکالی-کالی شیطان مقرداکن کامو درف (بریانان کفند) الله. {سوره فاطر آیه: ۵}

بارک الله لنا في القرآن العظيم، وَنَفَعَنَا بِالآياتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ الْأَوَّلَةِ إِنَّهُ لِوَالسَّمِيعِ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُهُ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُشْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا حَمَّةَ النَّائِبِينَ.

مغیرکن، نامون بارغسیاٹ بیغ منجاري اوتنوق کسراکهن، مک هرتا ایت تیدق اکن مغیرکن، سفرتی اورغ بیغ ماکن نامون تیدق کیم. تاغن بیغ داتس لیبه بايك درف تاغن بیغ دباوه". {حدیث روایة إمام خاری}

جماعه بیغ در جمیع الله،

جماعه بیغ در جمیع الله،
بر تقوی له کیت کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منیغکلکن کلنان کفدن.
سسغکرکن اورغ بیغ فالیع ملیا دیسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَی ایله اورغ بیغ فالیع
بر تقوی، موذه-مودهن کیت منجادی إنسان بیغ سنتیاس مغایغی الله
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله کجیان دان کسلامن دنیا دان جوک دآخره.

جماعه بیغ در جمیع الله،

دنیا اداله تکث فرسیعکن بیغ فتوه دعن تیقو دای بیغ بولیه ملا لاکن
مائسی درف مغایغی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، ترداشت سکلینتیر مائسی قد هاری این
ترلالو لالای دان لیکا دعن کاشیکن فرمانین دان فرهیاسن دنیاوی. الله
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بر فرمان دام سوره الحید آیه: ۲۰

تفسیر:

کهیوله سسغکرکن کهیدوفن دنيا هابلہ فرماین دان سندا کوراو
(سمات-مات) دان فرهیاسن دان برمکا-مکه اتارا کامو سرت بولومیا-لومبا
مبایقکن هرتا دان اون-قینق، سامله سفرتی ابر هوحن بیغ مغکاکمکن فارا
ثقانی (کران منجادیکن) تام-تامنن سبور کمودن منجادی کریع مک اعکا
ملیهنهن منجادی کوئیع کمودن منجادی هنچور بردرای. دان دأخیره کلک اد
عذاب بیغ برت دان کامقون درف الله سرت کریضان. دان تیادله کهیدوفن
ددنیا ملا دایکن هابلہ کسعن بیغ مغردایکن.

آکام کیت ملارغ اومتن دری جینتا دان کاسیهکن دنیا بیغ کزلالان.
جينتا دان کاسیهکن دنیا ایت تیدق مقصود مغوتاماکن فربواتاکن اتو مغوتاماکن اف
کهیدوفن هاری أخیره ایت اداله لیبه بايك دری کهیدوفن دنیا بیغ هان بر صفة
ستنارا. اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بر فرمان دام سوره غافر آیه: ۳۹

تفسیر:

واهي قومکوا سسغکرکن کهیدوفن دنيا این هابلہ کسعن (اوتنوق
ستنارا سهاج)، دان سسغکرکن (کهیدوفن) أخیره ایتلہ سهاج نکری بیغ
کلک.

جماعه بیغ در جمیع الله،

امام الشافعی رحمۃ اللہ مبیری وصیة بهارا بارغسیاٹ بیغ ایغین منیغکلکن
دنیا دعن سلامت، مک هنقاله دی منیکن سقوله فرکارا:

فترام: حق کفند دری یا بت مغور غکن تیدور، مغور غکن ماکن، مغور غکن
قرجاکن دان برقد-قد دعن رزقی بیغ اد.

کلوا: حق کفند ملاٹکه موت یا بت معضاء کواجن-کواجن بیغ تریشکل،
منداشکن کمعاچن درف اورغ بیغ ظالیمی، مبوات فرسیدیان سبلوم ماتی دان
براس جینتا کفند الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

سسغکرکن تیدق ماله جل سساورغ ایت ایغین منجاري هرتا بندنا دان
ککایان بیغ ملیقه رواه اکن تفای الغکه بايك جل سکل ککایان دان هرتا
بندنا ایت دکوناکن سباکی جالن اوتنوق منداشکن کریضان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

صدقهکن، واقفکن دان إنفقنکله رزقی بیغ داؤن کرھکن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
ککایکن دان کجاجقن، بوكن دکوناکن اوتنوق فرکارا-فرکارا معصیة دان
سیا-سیا. درف سعید بن المُسَيْبَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَسَلَّمَ دان عُرْوَةُ بْنُ الرَّبِّرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَسَلَّمَ بهارا
حکیم بن حزم رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَسَلَّمَ برکات، اکو فرنہ میتنا سسواتو کفند رسول الله
صلی اللہ علیہ وسلم، مک بکندا فون مبیری (سسواتو ترسیوت) کفند کو. کمودن
اکو میتنا لاکی دان بکندا مبیریکو، لالو بکندا بر سیدا کفند کو: "واهي
حکم، سسغکرکن هرتا ایت هیجاو لاکی مائیس. بارغسیاٹ بیغ منجاري
اوتنوق کولوسن دیرین (تیدق طمع دان تیدق مشمس)، مک هرتا ایت اکن

OPERASI LUCKY APE : 14 INDIVIDU BERJAYA DITAHAN

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Februari. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah menjalankan Operasi Lucky Ape pada 25 dan 26 Januari yang lalu di mana menyasarkan kepada satu sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah jenis syabu tertumpu di Kampung Menunggol, Pulau Berambang dan Kampung Bolkiah.

Seramai 14 individu yang terdiri daripada warga tempatan, penduduk tetap dan warga asing yang berumur 18 hingga 61 tahun berjaya ditahan kerana dipercayai terlibat dalam kegiatan pengedaran dan penyalahgunaan dadah.

Dalam utama sindiket ini ialah seorang warga tempatan berumur 36 tahun yang dipercayai

menggunakan golongan muda untuk menjalankan aktiviti pengedaran dadah dengan memberikan mereka peranan sebagai *runner*, penyimpanan dan pengambilan bekalan dadah daripada pihak pembekal.

Dalam utama sindiket ini juga didapati bekerjasama dengan seorang pengedar dadah syabu iaitu seorang lelaki warga tempatan berumur 42 tahun yang pernah ditahan sebelum ini.

Hasil operasi ini, BKN telah merampas sebanyak 737.82 gram syabu dan alat-alat dipercayai digunakan untuk memproses dadah untuk diedarkan daripada salah seorang tangkapan yang berumur 18 tahun.

ANTARA hasil Operasi Lucky Ape pada 25 dan 26 Januari yang berjaya dirampas di Kampung Menunggol, Pulau Berambang dan Kampung Bolkiah (kanan, bawah kanan dan bawah kiri).

Dadah syabu yang dirampas ini dianggarkan bernilai lebih daripada BND140,000 di pasaran tempatan dan boleh menampung sekurang-kurangnya 7,300 orang penagih dadah.

Tangkapan tersebut akan turut disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar, yang mana, jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah yang dirampas, boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

Dalam masa yang sama, operasi ini juga telah merampas sebuah kenderaan dan wang tunai berjumlah BND5,214, SGD477 dan RM110 dipercayai hasil daripada aktiviti pengedaran dadah. Harta-harta rampasan ini akan disiasat di bawah Seksyen 3, Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah (CARO), 2012.

Dengan ini, BKN ingin mengingatkan golongan muda untuk tidak terpedaya dengan taktik pengedar dadah yang menawarkan ganjaran yang lumayan dalam menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang.

BKN juga ingin menegaskan bahawa BKN tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas penjenayah di mana jua mereka berada termasuk mereka yang mengambil



kesempatan ke atas lokasi terpencil dalam menjalankan aktiviti jenayah dadah.

Di kesempatan ini juga, BKN tidak lupa merakamkan ucapan

penghargaan kepada agensi-agensi perisikan dan penguatkuasaan keselamatan atas bantuan dan kerjasama yang diberikan ke arah menjayakan operasi ini.



Penutupan sementara separuh Jalan Wasan



JKR memaklumkan orang ramai mengenai penutupan sementara separuh jalan di Jalan Wasan, berhampiran Tanah Perkuburan Wasan.

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan di Jalan Wasan, berhampiran Tanah

Perkuburan Wasan (sila rujuk peta).

Penutupan berkenaan akan mula dilaksanakan pada Isnin, 5 Februari hingga Sabtu, 10 Februari 2024, jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Sebab penutupan adalah bagi kerja-kerja pembakaian jalan di kawasan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada

para pengguna jalan dinasihatkan untuk mematuhi papan tanda arahan jalan raya serta had kelajuan yang telah ditetapkan

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam dan e-mel pro@pwd.gov.bn.

Pengendalian:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

- Tekanan darah tinggi
- Kolesterol tinggi
- Kencing manis
- Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak mempunyai perjalanan berterusan di pusat kesihatan atau klinik pokok di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.	Pemeriksaan kanser kolorektal Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Tidak pernah menghadapi kanser kolorektal (usus); dan 2. Tidak menjalani ujian naja untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan 3. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.
Pemeriksaan kanser payudara Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Tidak pernah menghadapi kanser payudara; dan 2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan 3. Tidak menjalani pemeriksaan mammogram dalam 3 tahun kebelakangan.	Pemeriksaan kanser serviks Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Mengalami gejala; dan 2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan 3. Tidak pernah menghadapi kanser serviks; dan 4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu
www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

IKLAN LANJUTAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / BBA 01 / 2024

Nama Projek :
PROGRAM PENINGKATAN DAN PEMBAIKAN INFRASTRUKTUR JAMBATAN - PAKEJ 2 PEMBINAAN JEJANTAS PEJALAN KAKI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
JMK / BJS / A / 2024-2025 / 002

Per : Tawaran Bagi Kerja-Kerja Membersihkan Kawasan Luar Dan Dalam Bangunan Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana

Menteri, Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam (Blok Pentadbiran Dan Perpustakaan Islam Brunei Darussalam) Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
17 Syaaban 1445H /
27 Februari 2024M

tidak lewat dari jam 2.00 Petang



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Tawaran:
JPH / 1102-003 / TAW / 377 /
2023-2024

High Conservation Value (HCV)
Assessment In Labi Hill Forest Reserve

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):

BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND35.00
-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Februari 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari



PEJABAT BESAR POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Syarat-Syarat Tawaran
Tawaran Penyewaan Ruang
Kosong Di Pejabat Pos Rimba
Bagi Menjalankan Perniagaan
dan Perkhidmatan Yang Bersesuaian
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Tawaran:
POS / T / 34 / JPP / 2023-2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
13 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



Tawaran Perkhidmatan Insurans Perlindungan Pegawai dan Kakitangan Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Selama Tempoh 2 Tahun, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam



Larangan Membuang Sampah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara

Tawaran Bilangan:
JDBM / QBBP / 002 / 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Tarikh lewat pada
Selasa,
13 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang



JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
JMK / PRL / A / 2024-2025 / 003

Per : Tawaran Bagi Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan landskap Kawasan Luar Bangunan Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
17 Syaaban 1445H /
27 Februari 2024M
tidak lewat dari jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 /
DITU / TA / 03
Pembelian Lesen "Solarwinds Network Monitoring Solution"

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu Isnin, 26 Februari 2024.**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Mac 2024,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Jabatan Daerah Belait Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim Tingkat III
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi
Daerah Belait

- Mukim Labi
- Mukim Sukang

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
26 Syaaban 1445
7 Mac 2024,
jam 4.00 Petang.



Kenyataan Tawaran



Bilangan Tawaran:
(159) INFO/PK/K/7 (2023-2024)

Yuran :

Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :

Selasa,
6 Februari 2024,
Jam 8.30 Pagi





**Tawaran Penyewaan Ruang ATM
Di Pejabat Pos Bagi Menjalankan
Perkhidmatan Mesin ATM
Di Negara Brunei Darussalam**

- Pejabat Pos MPC - ATM (Lampiran 1)
- Pejabat Pos Rimba - ATM (Lampiran 2)
- Pejabat Pos Sengkurong – ATM (Lampiran 3)
- Pejabat Pos Bunut – ATM (Lampiran 4)
- Pejabat Pos Lumut – ATM (Lampiran 5)

Rujukan Tawaran:
POS / T / 20 / JPP / 2023-2024

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
13 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / PKTM / Q&T / 2023-2024 / 21
Menaiktaraf Peralatan Visual Bagi
Bilik Mesyuarat Seri Damai**

Perkara

- Membuka dan mengeluarkan sistem peralatan Visual Analog yang ada dalam Bilik Mesyuarat Seri Damai di Blok C Tingkat 1
- Menukar sambungan dari jenis VGA ke jenis HDMI
- Membekal dan memasang 4 unit screen jenis LCD 65"
- Membekal dan memasang 1 unit screen jenis LCD 55"
- Kerja-kerja memasang dan percubaan peralatan visual bagi memastikan berfungsi dengan sempurna

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



**Jabatan Pembangunan
Masyarakat
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

JAPEM / TEND / 2024 / KRK / 02 [HARIAN RESIDEN]
Pembekalan Barang Keperluan Harian Bagi Residen Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Bagi Tempoh 24 Bulan

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

JAPEM / TEND / 2024 / KRK / 02 [ANAK DAMIT]
Pembekalan Barang Keperluan Penjagaan Anak Damit Bagi Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Bagi Tempoh 18 Bulan

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

JAPEM / TEND / 2024 / KRK / 03 [KEBERSIHAN]
Pembekalan Barang Keperluan Kebersihan Dan Dapur Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Bagi Tempoh 18 Bulan

Tarikh Tutup Tawaran :

Khamis,
15 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen
- Pg Mohammad Shahwol bin Pg Ladun (01-030266)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

- a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 27 Julai 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Pg Mohammad Shahwol bin Pg Ladun
No. 5, Simpang 538-40-20-8,
Kg. Sungai Akar
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :

5 Julai 2023

- b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

- c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
18 Disember 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 27 Julai 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 10 Januari 2024, jam 9.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 12 Februari 2024, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
4 Januari 2024

Kes No.
BCY / CP / 112 / 2023

Baiduri Finance Berhad

Pemetisyen

Mohammad Irwandy bin Endy Rahali (01-093069)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :-

- a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 20 Januari 2024.

Nama dan alamat Bankrap:

Mohammad Irwandy bin Endy Rahali
No E5, Jalan 60, Simpang 150, Perumahan Rimba Gadong, BE3319 Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
18 Disember 2023

- b.) Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

- c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
24 Januari 2024

Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar



Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 231 / 2023

Baiduri Bank Sendirian Berhad
(Formerly known as Baiduri Bank Berhad)

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen
- Suzaina binti Awang Johan (01-067158)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

- a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 25 November 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Suzaina binti Awang Johan No. 8, Simpang 456-25-10, Gadong, BE1118 Negara Brunei Darussalam

>> Muka 16



**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

Kes No.
BCY / CP / 72 / 2022

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohamad Sidek bin Haji Sahak (00-281222)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

- a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 17 Jun 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada

12 Februari 2024, jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 12 Februari 2024, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
4 Januari 2024

Kes No.
BCY / CP / 112 / 2023

Baiduri Finance Berhad

>> Muka 15

Tarikh Petisyen :
16 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
3 Januari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 25 November 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 19 Februari 2024, jam 10.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Januari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 14 Disember 2023

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 19 Februari 2024, jam 10.45 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 19 Februari 2024, jam 10.45 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
13 Januari 2024

Kes No.
BCY / CP / 39 / 2023

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Haji Mohammad Fadly bin Haji Ibrahim
(00-299714)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 14 September 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Haji Mohammad Fadly bin Haji Ibrahim
No. 177, Simpang 100,
Jalan Kayu Sumah,
RPN Bukit Beruang
Tutong, TC3345
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
6 June 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah

menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
22 Januari 2024

Kes No.
BCY / CP / 477 / 2015

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Siti Hajijah binti Ahmad
(00-303785)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
22 Januari 2024

Kes No.
BCY / CP / 245 / 2021

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Nooredham bin Haji Tassim
(00-278109)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 Disember 2023.

Nama dan alamat Bankrap:
Siti Hajijah binti Ahmad
No. 402, Kg. Tempuan Ugas
Danau, Tutong, TC2945 atau Lot
5695, No. 11, Kg. Sungai Tali
Lumut, KC3135
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
22 November 2023

Tarikh Permohonan :
23 Ogos 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
22 Januari 2024

Kes No.
BCY / CP / 97 / 2019

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohammad Razis bin Ahmad
(00-313807)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 November 2023.

Nama dan alamat Bankrap:
Mohammad Razis bin Ahmad
No. 9, Simpang 5, Jalan 60-51,
RPN Kg Rimba Gadong, BE3119
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
13 Oktober 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh

Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
6 Oktober 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh

Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
5 Oktober 2023

Tarikh Permohonan :
6 Oktober 2023

Tarikh Perm

>> Muka 16

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
22 Januari 2024

Kes No.
BCY / CP / 304 / 2018

1.Eugene Loh Jit (51-125332)
2.Mohamed Yusof bin Shaik Abdul Halim (01-049157)
3.P Roy Rajakumar C V
Prabhakaran (51-026939)
(All trading under the name and style of Messrs Yusof Halim & Partner and formerly known as Messrs Sankaran Halim)
- Pemutang Penghakiman / Pemetsyen

Haji Abdul Rahman bin Haji Hassan
(00-076947)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 30 Mac 2019 telah dibatalkan pada 25 November 2020

Nama Penghutang :
Haji Abdul Rahman bin Haji Hassan

Alamat Penghutang :
No 29, Simpang 32, Jalan Kiarong, Kg Kiarong, Bandar Seri Begawan, BC1318, Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
20 Januari 2024

Mohammad Marzuqi bin Sabtu Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Penerbitan Iklan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

UNISSA / SB0072 / 2023 / 2024 -

Membekal Dan Menghantar Smart Solar Fish Dryer Bagi Kegunaan Penyelidikan UNISSA – “Evaluating Fermented Coffee Waste With Water Spinach As A Sustainable Protein Supplement For The Culture Of Tilapia, Oreochromis Species”

UNISSA / SB0073 / 2023 / 2024 -

Membekal Dan Menghantar Perabot Kelengkapan Forum, Bengkel Dan Seminar Bagi Kegunaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Sinaut

UNISSA / SB0074 / 2023 / 2024 -

Membekal Dan Menghantar Meja Dan Kerusi Bagi Kegunaan Kafe Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Gadong



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV, V & VI

Kategori :
B01, KA01 - KOD BARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 02 / CQS /
2024 – T / V

Nama Projek :
Pembinaan Masjid Baharu
Kampong Lamunin, Daerah Tutong
(Retender)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
26 Mac 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II (II & III) Sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 002 / 2024 – (CDE).T.II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Perlindungan Sungai
Di Jalan Tanah Jambu 2

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
26 Mac 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Pemberitahuan Tawaran

1. Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
11A-4 / 2023-2024

Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 2 Tahun
Bagi Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Muta-Wakkilah
Hayatul Bolkiah, Serusop

2. Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB / 1V-1 /
2023-2024

Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 2 Tahun
Bagi Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Amal Umi Kalthum
Al-Islam, Mulaut Di Bawah
Kawalan Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam Tahun
1444H-1445H / 2023-2024M

Tarikh Tutup Sebut Harga :

Rabu,
26 Rejab 1445H /
7 Februari 2024M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Jabatan Belia Dan Sukan

1. Bilangan Tawaran :
(15) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Repair Works to Water Sprinkler
and Pump at Hockey Stadium,
HBNSC, Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND10.00

2. Bilangan Tawaran :
(16) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for A Period
of Twenty Four (24) months For:
1) Hockey Stadium, HBNSC
2) Ong Sum Ping Field

Yuran Tawaran:
BND 10.00

3Bilangan Tawaran :
(17) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for A Period of
Twenty-Four (24) Months for
National Swimming Pool, HBNSC

Yuran Tawaran:
10.00

Bilangan Tawaran :
(18) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for A Period of
Twenty-Four (24) Months for
Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran :
(19) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Kontrak Bagi Perkhidmatan
Penyediaan, Pembekalan Dan
Penghantaran Makan / Minum
Berkonseptan Individually Packed
Meals and Drinks Bagi 9 Orang
Atlet Berpotensi Di Bawah Program
Elit Kecemerlangan Kendalian
Jabatan Belia Dan Sukan [JBS]

Yuran Tawaran:
BND10.00

Taikh Tutup :
Khamis,
15 Februari 2024

UNISSA / SB0075 / 2023 / 2024 -
To Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Commissioning Network Point
And Fiber Cabling For Sinaut
Tutong Campus Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Yuran Tawaran :
BND10.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
14 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Negara Brunei Darussalam

Tajuk dan Bilangan Tawaran:

- Project Enhancing Flight Information Display System: Upgrading Uninterruptible Power Supply And Advanced Maxcs Workstations For Strengthening Reliability And Operational Efficiency For Department Of Civil Aviation At Brunei International Airport TERMINAL / 2023-2024 / SH-06(R)
- Improving Flight Information Display System (FIDS) Reliability: Health Check Project With Conrac Gmbh's Expertise For Department

Civil Aviation Brunei
International Airport
TERMINAL / 2023-2024 /
SH-07(R)

Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga :

Rabu
31 Januari 2024

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :

Selasa
30 Januari 2024

Tarikh tutup Sebut Harga:

Rabu
14 Februari 2024
(tidak lewat jam 2.00 Petang)




**Universiti Brunei Darussalam
WANG-WANG CAGARAN YANG BELUM DITUNTUT**

Adalah dimaklumkan kepada penyimpan-penyimpan wang cagaran bahawa masih terdapat wang cagaran bagi tawaran-tawaran Tahun 1995 hingga 2001 yang belum lagi dituntut. Penyimpan-penyimpan dikehendaki membuat tuntutan ke Bahagian Kewangan Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tunku Link, Bandar Seri Begawan BE 1410 semasa waktu bekerja iaitu pada hari Isnin hingga Jumaat.

Semasa membuat tuntutan penyimpan-penyimpan hendaklah menghadapkan surat tuntutan dan menyertakan resit asal berkenaan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan ini. Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas dari tempoh yang ditetapkan akan dimasukkan ke dalam akaun hasil Kerajaan.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi melalui email ke : finance@ubd.edu.bn
Senarai nama penender, bilangan resit dan jumlah wang cagaran bagi tahun 1995 hingga 2001 yang masih belum dituntut.

Tahun	Nama SYARIKAT	RESIT NO.	JUMLAH
1995	RAZALEIQH RESTAURANT	1264274	\$ 1,000.00
1995	JESSAMINE CAKE HOUSE	1264275	\$ 500.00
1995	JATI OCE SDN BHD	1264278	\$ 300.00
1995	S.A. LE MARK DISTRIBUTOR SERVICES	1264287	\$ 300.00
1995	NADZITA ENTERPRISE	1264291	\$ 500.00
1995	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO.	1264296	\$ 200.00
1995	UNIVERSITY SHOP (B) SDN BHD	1264301	\$ 500.00
1995	SYARIKAT AJIDAH	1264326	\$ 500.00
1995	SALAMMAN SDN BHD	1264332	\$ 200.00
1995	DEEN RESTAURANT AND CATERING SERVICE	1264338	\$ 500.00
1995	STAR TRADING DISTRIBUTORS	1264363	\$ 500.00
1995	STP DIST.	1264364	\$ 500.00
1995	OA SYSTEM COMPUTER	1264421	\$ 500.00
1995	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO.	1264442	\$ 300.00
1995	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO.	1264469	\$ 100.00
1995	ARYADUTA SDN BHD	1264494	\$ 200.00
1995	HALIM SDN BHD	1264495	\$ 200.00
1995	PERUSAHAAN HJ AHMAD BIN ISMAIL & ANAK-ANAK	1264497	\$ 200.00
1995	NEW CLOTHESLINE SDN BHD	1264498	\$ 200.00
1995	SYARIKAT USAHA BAKANAIE	1264500	\$ 200.00
1995	L & N TRADING	1264504	\$ 100.00
1995	SYARIKAT DN & ANAK-ANAK	1264505	\$ 100.00
1995	SHINE GENERAL CONT.	1264511	\$ 100.00
1995	AL-BISSRAIN SDN BHD	1264512	\$ 100.00
1995	QA SYSTEM COMPUTER	1264558	\$ 100.00
1995	CHONG RADIO SERVICE	1264567	\$ 100.00
1995	QA SYSTEM COMPUTER	1264645	\$ 100.00
1995	AT & T.	1264658	\$ 100.00
1996	SAPOO	1264680	\$ 100.00
1996	PERUSAHAAN HJH MASKATUN BINI & ANAK-ANAK	1264684	\$ 100.00
1996	SYARIKAT HJ METUSOP JAPARUDIN & ANAK-ANAK	1264687	\$ 100.00
1996	ORBIT GENERAL CONST. CO.	1264689	\$ 100.00
1996	SYARIKAT MORN	1264693	\$ 100.00
1996	YU'AZ FUTURE INDUSTRIAL SERVICES	1264696	\$ 100.00
1996	ATH NIAGABERA SDN BHD	1264720	\$ 200.00
1996	MOODAWI AND TRADING SDN BHD	1264772	\$ 100.00
1996	SDS SYSTEM (B) SDN BHD	1264791	\$ 100.00
1996	KBL ENTERPRISE	1264849	\$ 500.00
1996	UMMA SLAMAH ENTERPRISE	1264867	\$ 500.00
1996	DEEN RESTAURANT & CATERING	1264869	\$ 500.00
1996	ATH NIAGABENA SDN BHD	1264881	\$ 100.00
1996	AYBA TRADING CO.	1264926	\$ 100.00
1996	CAPITAL TRADERS	1264929	\$ 100.00
1996	NUSA-SETIA TRADING CO.	1264930	\$ 100.00
1996	MANGAL SINGH & SONS	1264934	\$ 100.00
1996	EDNA SV ENTERPRISE	1264935	\$ 100.00
1996	SURIA AZLAN ENTERPRISE	1264936	\$ 100.00
1996	SCS INFORMATION TECHNOLOGY SDN BHD	1264939	\$ 100.00
1996	FOLEC COMMUNICATION SDN BHD	1264964	\$ 100.00
1996	SYARIKAT SUNIYA INSAN	1264997	\$ 100.00
1996	ROYAL BRUNEI TECHNICAL SERVICES	1264999	\$ 100.00
1996	MEADOWLAND TRADING SDN BHD	2480035	\$ 100.00
1996	MEADOWLAND TRADING SDN BHD	2480061	\$ 100.00
1996	TZAS ENTERPRISE	2480171	\$ 100.00
1996	NURUL HAFIZ TECHNICAL SERVICES	2480172	\$ 100.00
1996	R.B. COMMS	2480182	\$ 100.00
1996	INTERSARE SECURITY & TRADING CO.	2480188	\$ 100.00
1996	I.T. SYSTEM (B) SDN BHD	2480194	\$ 100.00
1997	AV ELECTRONICS	2480299	\$ 100.00
1997	AV ELECTRONICS	2480300	\$ 100.00
1997	PARAMOUNT SUPPLIERS	2480350	\$ 100.00
1997	BMA TRADING COMPANY	2480377	\$ 100.00
1997	ZULKADEER & COMPANY	2480379	\$ 100.00
1997	ATH MEDIC SDN BHD	2480384	\$ 100.00
1997	ARYADUTA SDN BHD	2480565	\$ 200.00
1997	MAHANI AJI ENTERPRISE	2480566	\$ 100.00
1997	HJ HASBI B. KHATIB ABDULLAH & ANAK2	2480568	\$ 200.00
1998	SY. HJ METUSOP JAPARUDDIN	2480740	\$ 100.00
1998	TUNAS HIJAU ENTERPRISE	2480760	\$ 100.00
1998	BINAMAS TRADING	2480761	\$ 100.00
1998	SYKT. HAMZAL DAN ANAK2	2480769	\$ 100.00
1998	OLVY COMPANY	2480771	\$ 100.00
1998	NADIA DEVELOPMENT CO.	2480773	\$ 100.00
1998	SYKT O.K. JAKIR DAN ANAK2	2480787	\$ 100.00
1998	SYKT. BAFA & ANAK2	2480789	\$ 100.00
1998	NURUL AIMAN TRADING CO.	2480792	\$ 100.00
1998	AV ELECTRONICS SDN BHD	2480832	\$ 100.00
1998	FASHION FURNITURES CONSTRUCTION CO.	2480834	\$ 100.00
1998	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT	2480842	\$ 100.00
1998	MORSJAYA ELECTRICAL CO SDN BHD	2480846	\$ 100.00
1998	KENANGAN SUBOH ENTERPRISE	2480847	\$ 100.00
1998	EDUTECH SDN BHD	2480853	\$ 100.00
1998	WIJAYA SPORTS	2480863	\$ 100.00
1998	MUFAKAT TRADING CO.	2480864	\$ 100.00
1998	BMA TRADING CO.	2480865	\$ 100.00
1998	GLAMOUR	2480877	\$ 100.00
1998	TRIPLE A ENTERPRISE	2480885	\$ 100.00
1998	SYKT. PG HJ MD YASSIN B. PG OTHMAN	2480886	\$ 100.00
1998	SYARIKAT HMZA	2480887	\$ 100.00
1998	SYKT MANEE DAN ANAK-ANAK	2480889	\$ 100.00
1998	NILAM BAIDURI CAFÉ	2480891	\$ 100.00
1998	HAI HWANG TRADING CO.	2480893	\$ 100.00
1998	SYARIKAT HAMSAL DAN ANAK-ANAK	2480896	\$ 100.00
1998	SUNLIT ADVERTISING SDN BHD	2480916	\$ 100.00
1998	FASHION FURNITURE & CONSTRUCTION CO SDN BHD	2480962	\$ 100.00
1998	KENANGAN SUBOH ENTERPRISE	2480963	\$ 100.00
1998	FRANMIX SDN BHD	2480966	\$ 100.00
1998	MASPUTRA SDN BHD	2480991	\$ 100.00
1998	SYARIKAT NORJEAH	2480995	\$ 100.00
1998	DYG LIMAH DAN ANAK2	2481002	\$ 100.00
1998	SYARIKAT BUNGA SEMERBAK	2481004	\$ 100.00
1999	AL-HIDAYAH RESTORAN	2481346	\$ 200.00
1999	AL-IHSAN RESTAURANT	2481347	\$ 200.00
1999	NEW ISLAMIC RESTAURANT	2481349	\$ 200.00
1999	PRISMILE ENTERPRISE CO.	2481360	\$ 2,000.00
1999	APPLICAL PROGRAMMING AUTOMATION PRODUCTS	2481361	\$ 2,000.00
1999	ACCANDO TECHNOLOGIES SDN BHD	2481362	\$ 2,000.00
1999	SYARIKAT INAI	2481367	\$ 200.00
1999	SYARIKAT INAI	2481368	\$ 200.00
1999	SYARIKAT INDAH SEJAHTERA DEVELOPMENT & SERVICES	2481370	\$ 2,000.00
1999	SYARIKAT YANAM & ANAK-ANAK	2481373	\$ 200.00
1999	RESTORAN SURAINA	2481378	\$ 200.00
1999	RESTORAN SURAINA	2481379	\$ 200.00
1999	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO SDN BHD	2481399	\$ 100.00

1999	RESTORAN ISMAHANA	2481398	\$ 200.00
1999	PERKHIDMATAN REKREASI COC	2481403	\$ 200.00
1999	PERKHIDMATAN REKREASI COC	2481404	\$ 200.00
1999	RESTORAN AMINAH ARIF	2481405	\$ 200.00
1999	QUMASURIA ENTERPRISE	2481410	\$ 200.00
1999	USAHA SITTY DELIMA	2481412	\$ 200.00
1999	USAHA SITTY DELIMA	2481413	\$ 200.00
1999	STAR TRADING PRINTING SDN BHD	2481425	\$ 100.00
1999	AEC ENGINEERING CO	2481431	\$ 100.00
1999	MAHANI AJI ENTERPRISE	2481522	\$ 100.00
1999	PERUSAHAAN BNB	2481539	\$ 200.00
1999	FAH DIN ENTERPRISE	2481545	\$ 500.00
1999	LAU YIN KEE SANITARY & PLUMBING	2481619	\$ 100.00
1999	USJ ENGINEERING & SERVICES	2481620	\$ 100.00
1999	DAIKYO INDUSTRIAL GAS SDN BHD	2481623	\$ 100.00
1999	SYARIKAT NOR AWAN SDN BHD		

PELITA BRUNEI, Rabu 5 Februari, 1964.

MUKA 5

PEMIMPIN2 BELIA BERSIDANG JULONG2 KALI

BUAT julong2 kali pemimpin2 pertubuhan belia se-luruh negeri telah berkumpul memeras otak dan berbahas dengan bebasnya, tetapi mempunyai tujuan dan maksud yang sama.

Merelya telah berusaha untuk mengatasi berbagai2 masalah guna menuju ka-arah yang lebih maju, bergerak dengan giat dan mengambil peranan yang sehat di-sisi masharakat dan negeri kerana kepentingan ra'ayat dan kerajaan pada keselurohannya.

Perkumpulan yang di-beri nama Seminar Kera'ayatan dan mempunyai maudho' "Peranan Belia dalam Kemajuan Perkembangan Negeri" itu telah berlangsung di-bangunan Maktab SOAS, Bandar Brunei dari 10 hingga 13 Januari, 1964.

Menurut laporan yang telah di-susun dan di-siapkan oleh Setiausaha Seminar itu, Inche Zul-Kiflie Abdullah, berbagai2 perkara yang di-bahaskan dan yang mendapat keputusan ada-lah berkisar dari soal persendirian pertubuhan hingga kapad-soal peranan belia2 di-sisi masharakat, kerajaan dan dunia deni mendapatkan kesejahteraan dan persafahaman segala ma'anusia.

Antara keputusan2 yang di-chapai ia-lah :

- ◆ Sa-tiap pertubuhan hendak-lah mengamalkan semangat gotong royong dan men-dampingi, sa-chara lebh rapat, masharakat di-sekitar un-toh menanam keperchayaan ibu-bapa dan ketua2/peng-hulu2 kampong akan tugas2 dan tujuan2 badan2 kemasharakatan.

- ◆ Sa-tiap persatuan hendak-lah mempunyai rumah masing2, hasil dari usaha gotong royong dan bantuan dari pe-

hak kerajaan. Sa-buah Pusat Belia juga hendak-lah di-bena oleh pehak yang berwajib.

- ◆ Sa-tiap ahli mana2 persatuan hendak-lah menjelaskan wang yuran masing2.

- ◆ Persatuan2 belia hendak-lah mengambil langkah un-toh memungut derma khas atas tujuan memberi bantuan kepada anak2 yatim.

- ◆ Kerajaan di-seru supaya memberi sebarang kemudahan kapada persatuan2 terutama dalam soal kewangan.

- ◆ Sa-tiap persatuan hendak-lah berkerjasama dengan kerajaan untuk menjaga dan memelihara keamanan negeri.

- ◆ Sa-tiap persatuan hendak-lah menggunakan Bahasa Melayu (Bahasa Rasmi) dalam sebarang urusan.

- ◆ Mana2 pertubuhan hendak-lah memberikan kerjasama kapada ketua2 dan penghulu2 kampong untuk mendapatkan keperchayaan dan penghargaan mereka.

- ◆ Menyeru supaya seluruh ra'ayat memelihara kehormatan negara dengan jalan menghormati bendera dan lagu kebangsaan kita.

- ◆ Menyeru kerajaan supa-

ya mengadakan pusat2 lateh-an dalam berbagai2 bidang, mithalnya perikanan, pertukangan dan lain2, untuk mengatasi pengangguran dalam negeri.

Keputusan2 tersebut ada-lah berbangkit dari sharahan2 yang telah di-sampaikan oleh orang2 kenamaan dan berpengalaman dalam sa-panjang seminar itu di-jalankan.

Antara pensharah2 termasok-lah Yang Berhorma Timbalan Menteri Besar Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali, yang juga telah melangsangkan pembukaan rasmi seminar itu, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusuf, Pegawai Kebajikan Masharakat Negara Yang Berhormat Inche Salleh Haji Masri dan Timbalan Pesurop Jaya Pulis Yang Mulia Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Dalam uchapan pembukaannya Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah mengatakan bahawa peranan pemuda-pemudi di-sisi masharakat ada-lah berat dan mempunyai mutu dan nilai yang tinggi.

Pemuda-pemudi, kata beliau, hendak-lah memikirkan peranan apa-kah yang harus mereka sum-bangkan dan ambil bahagian bagi kemajuan dan kepentingan ra'ayat dan negeri.

Sekarang ini, sambong beliau pula, tuan2 (pemuda-pemudi) ada-lah menjadi pemimpin2 belia dan pada masa yang akan datang tuan2 harus akan menjadi pemimpin2 negeri tuan2 sendiri, tegas Timbalan Menteri Besar itu.

Inche Salleh Haji Masri, dalam sharahan penutup seminar pula berkata bahawa pemimpin2 belia yang benar2 mahu memimpin ka-arah kesempurnaan hidup, hendak-lah berdamping rapat dan mensesuaikan diri mereka dengan masharakat untuk me-ngetahui keadaan masharakat yang mereka pimpin.

Kemajuan dan kemundoran sa-sabuah negara itu, tegas beliau, ada-lah terpikul atas bahu sa-tiap pemuda-pemudi, dan hal ini memang-lah di-sedari oleh dunia, kata beliau.

Kemudian Inche Salleh mena-sehatkan pemimpin2 belia supaya membendong jiwa mereka dari di-pengarohi oleh saham2 politik dan saham2 yang tidak di-ingini.

Beliau menambah kata bahawa belia2 hendak-lah menyedari dan me-ngetahui akan tanggong jawab mereka dalam kalimah hidup berpersatu deni menjaga dan memelihara kehormatan negara.

Seminar yang telah di-anjor-kan oleh Majlis Pemuda-Pemudi Negeri Brunei telah di-pimpin oleh Yang Dipertua Majlis tersebut Yang Mulia Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

SETIA USAHA KERAJAAN YANG BAHARU



Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusuf bin Pg. Hj. Abdul Rahim (gambar atas), telah mengambil ahle jawatan sa-bagi Setiausaha Kerajaan, Brunei menggantikan Dato Paduka Raja Azam bin Raja Kamarulzaman, yang telah kembali ka-Malaya pada 20 Januari yang lalu, sa-lepas tamat perkhidmatan beliau sa-lama dua tahun di-negeri ini.

Gambar atas telah di-ambil sa-masa Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusuf memberi sharahan di-Seminar Pertu-buhan2 Belia Negeri Brunei ba-haru2 ini.

PEGAWAI2 BAHARU P. B. B.

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pegawai tahun lalu Persatuan Belia Bandar Brunei telah di-pileh sa-mula menyandang ja-watan mereka bagi tahun 1964/65, dalam mashuarat agong tahunan persatuan itu yang telah berlangsung di-bangunan Maktab SOAS, Bandar Brunei pada hari Ahad, 2 Februari lepas.

Mereka ia-lah Inche Yahya Yusof sa-bagi Yang Dipertua, Che Sheila Janardanan sa-bagi Setiausaha Agong Kehormat dan Inche Christopher Chin sa-bagi Bendahari Kehormat.

Pegawai2 lain yang telah di-pileh dalam mashuarat itu ia-lah :

Naib Yang Dipertua — Pengiran Haji Puteh bin Pg. Hj. Rajid, Penolong Setiausaha Kehormat — Inche Zul-Kiflie Abdullah, dan tujuh orang ahli2 jawa-tan-kauasa.

Mereka ia-lah: Ak. Haji Mohammad bin Pg. Chu Chu, Che S. Janardanan, Inche D. Cheok, Che E. Chin, Inche Wahab Ju-naidi, Che Noraini Hussein, dan Inche Osman Omar.

UNTOH "VENTURER BADGE"



Dua orang pengakap "Senior" dari pasukan Asrama Maktab Sul-tan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei ia-itu Serudin bin Dato Setiawan (kiri) dan Lai Bun Seng (kanan), telah berjaya men-jalankan ujian untuk memperolehi "Venturer Badge", pada 9 dan 10 Januari lepas. Ujian itu telah mengambil masa sa-lama 24 jam dengan berjalan kaki melalui hutan dan bukit-bukau sa-jauh tidak kurang dari 30 batu.

IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN daripada mereka yang hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena sambutan Jubli Perak Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

PERSEMBAHAN mari bercerita daripada pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Md. Khairun Azfar bin Md. Zaiful Rizan, iaitu Juara Pertandingan Mari Bercerita Warisan Brunei 2023 pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi para pemenang peraduan Menulis Karangan Majalah Naindung.Mekar.Juara Pelajar DBP 2023. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SEBAHAGIAN pelajar yang hadir pada Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Berakas. - Foto : Azmah Haji Ahad


SEORANG pelanggan Pelan Fiber Progresif yang hadir pada Acara Meet the Legends ketika meminta tandatangan pada jersi miliknya. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SEORANG Pegawai Kadet ketika bersama keluarga sempena Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

SEBAHAGIAN daripada pelajar Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong yang hadir pada Taklimat Kenegaraan. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

PERMOHONAN GERAI BERJAJA KINI DIBUKAKAN



Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Ahad, 4 Februari. - Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Gerai Berjaya sempena Sambutan Ulang Tahun Kebangsaan Negara

JABATAN Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Gerai Berjaya sempena Sambutan Ulang Tahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 akan diadakan selama empat hari, iaitu pada 19, 20, 21 dan 24 Februari 2024.

Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 akan diadakan selama empat hari, iaitu pada 19, 20, 21 dan 24 Februari 2024.
Tempat-tempat berjaya yang akan disediakan adalah di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah,

Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Permohonan adalah dibuka kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap NBD.

Borang permohonan pendaftaran

untuk berjaya boleh didapati mulai Isnin, 5 Februari 2024 bertempat di Bilik Incubator No.3, Stadium Negara Hassanal Bolkiah bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Seorang pemohon akan diberikan

satu petak sahaja secara *first come first serve basis* dan ia adalah terhad. Tarikh tutup menghantar borang permohonan dan pembayaran ialah pada Isnin dan Selasa, iaitu 12 dan 13 Februari 2024 bermula jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi sahaja.



سورو هنجاي قر خدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 4 Tandakan “✓” pada kotak semak “Jawatan Sekarang” di dalam ruangan “Pengalaman Kerja Kerajaan”
- 5 Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)





Kopi menjadi pilihan ramai

Rencana dan Foto : Dk. Faten Khairiyah Pg. Haji Khairul Anuar,
Penempatan Mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam

SELAMA berabad-abad kopi telah memberi inspirasi, kehangatan dan tenaga untuk semua yang menikmatinya. Kini, kopi menjadi salah satu minuman yang paling popular di seluruh dunia kerana keunikan cita rasa dan khasiat yang dimiliki oleh kopi. Secara umum, pada tahun 2017, produk kopi premium pertama Brunei iaitu 'Labi Coffee' telah diperkenalkan ke pasaran domestik tempatan di bawah pengendalian Syarikat Pertanian Tropikal Utama.

Jenis kopi

Ada tiga jenis variasi biji benih kopi yang sering dikomersialkan, antaranya Kopi Arabica, Robusta dan Liberica. Menurut Pertubuhan Pertanian dan Makanan Antarabangsa (FAO), hampir 70 peratus variasi kopi yang didagangkan di pasaran dunia adalah terdiri daripada Kopi Arabica. Peratus kandungan kafein yang dimiliki oleh Kopi Robusta adalah lebih tinggi berbanding variasi kopi yang lain iaitu sebanyak 2.0 - 2.5 peratus.

Secangkir kopi boleh dinikmati secara panas dan sejuk. Pembuatan air kopi juga boleh dinikmati dengan pelbagai cara, contohnya hitam, putih, tanpa gula, dengan gula atau susu. Minuman kopi juga telah diinovasi kepada beberapa jenis. Contohnya, *latte*, *espresso* dan *cappuccino*. Ketiga-tiga jenis minuman kopi ini diinovasi dengan penambahan bahan tambahan seperti susu, krim dan serpihan

coklat.

Selain itu, kopi juga telah diinovasi kepada beberapa jenis produk seperti serbuk kopi, kopi segera tiga-dalam-satu, kopi tersedia dan kopi uncang.

Kopi termahal

Kopi Luwak yang berasal dari Pulau Jawa dan Sumatra Indonesia dinobatkan sebagai kopi paling eksklusif dan termahal di dunia. Kisah di sebalik penghasilan kopi ini cukup menarik kerana Kopi Luwak ini terhasil daripada biji kopi yang dimakan oleh musang (*Paradoxurus Hermaphroditus*). Kemudian biji kopi tersebut keluar dari kotoran (*faeces*) musang. Biji kopi yang diperolehi dari kotoran (*faeces*) itu akan dicuci dan diproses terlebih dahulu dan barulah terhasil Kopi Luwak.

Khasiat, kesan kopi pada kesihatan

Kopi memiliki banyak manfaat pada tubuh manusia. Pada tahun 2022, platform digital Hello Doktor Malaysia menyatakan secawan kopi dapat menenangkan minda, meningkatkan daya ingatan dan melegakan keletihan kerana kandungan kafein yang diperoleh di dalam kopi. Justeru itu, orang ramai memilih untuk memulakan hari dengan mengambil secawan kopi.

Seterusnya, kopi juga boleh melawan kemurungan. Menurut satu kajian yang dilaksanakan oleh Harvard pada tahun 2011, empat cawan kopi setiap hari boleh

mengurangkan sebanyak 20 peratus risiko kemurungan yang dihadapi oleh seorang wanita.

Walau bagaimanapun, pengambilan kopi secara berlebihan boleh meningkatkan risiko penyakit jantung. Pada tahun 2019, sekumpulan penyelidik dari University of South Australia mendapat penyakit jantung boleh meningkat sebanyak 22 peratus jika pengambilan kopi dalam sehari melebihi enam cawan. Akan hal ini, orang ramai adalah disarankan untuk minum kopi pada kadar sederhana sahaja iaitu tidak melebihi enam cawan.

Sumbangan kopi pada ekonomi, sosial

'Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan' merupakan salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035. Pembukaan kafe kopit merupakan antara usaha yang dilakukan oleh masyarakat Brunei untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara. Contoh kafe kopit yang boleh dikunjungi orang ramai adalah Kopi Lain Hati, Ri's Cafe, De Coffee, Impresso Cafe, HWC Coffee, Ngupi Somewhere Cafe dan sebagainya.

Di samping itu, kafe kopit juga boleh mengerakkan hubungan silaturahim. Kebelakangan ini, ramai usahawan tempatan yang membuka bisnes kafe. Contohnya, RaceKey Coffee. Kafe RaceKey ini merupakan sebuah bisnes kafe keluarga yang dijalankan secara *home-based*. Bisnes kafe RaceKey mula beroperasi pada sekitar bulan September - Oktober 2022 dan terletak di Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Jalan 64. Menurut pengusaha kafe RaceKey yang ditemui

bual, Awang Muham'mad Wafi Syauqi bin Abdullah, berkumpul di kafe telah menjadi satu trend pada masa kini. Kafe digunakan sebagai tempat untuk keluarga dan sahabat mengerakkan silaturahim. Pengusaha kafe RaceKey ini juga menyatakan pengalaman yang diperolehnya semasa bekerja di salah sebuah syarikat kopi terkenal iaitu The Coffee Bean and Tea Leaf telah memberi inspirasi dan memupuk keberanian beliau untuk membuka perniagaan kafe kopit sendiri dengan sokongan daripada ahli keluarga.

Harga kopi yang dijual di kafe RaceKey ini dikira mampu milik kerana ia dijual pada harga BND3 - BND5 sahaja. Minuman kopit seperti *spanish latte*, *signature latte* dan *caramel macchiato* merupakan antara menu bestseller di kafe RaceKey.

Untuk pengetahuan orang ramai, kafe RaceKey ini hanya dibuka dua hari dalam seminggu iaitu setiap Jumaat dan Sabtu dari jam 8.00 malam hingga 12.00 tengah malam atau 2.00 pagi. Bagi sesiapa yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai kafe RaceKey bolehlah mengunjungi laman Instagram mereka iaitu @racekeycoffee.

Penutup

Pengambilan kopi ada manfaatnya jika diambil secara berpatutan. Akan tetapi, pengambilan yang tidak terkawal boleh mendatangkan kemudarat pada kesihatan. Dalam pada itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak minum kopi secara berlebihan. Penambahbaikan penjagaan kesihatan cetus peningkatan produktiviti untuk pembangunan negara.



KEJADIAN TANAH RUNTUH RAGUT TIGA SEKELUARGA, ENAM CEDERA PARAH DI SUMATERA UTARA

JAKARTA, 4 Feb. – Tiga sekeluarga maut dalam kejadian tanah runtuh di Tapanuli, Sumatera Utara pada Sabtu, menurut Agensi Pengurusan Bencana Wilayah (BPBD).

Ahli perniagaan rugi lebih RM600,000 terpedaya pelaburan tidak wujud

KUALA TERENGGANU, 4 Feb. - Seorang ahli perniagaan kerugian sebanyak RM688,300 akibat terpedaya dengan pelaburan yang tidak wujud.

Ketua Polis Terengganu Datuk Mazli Mazlan berkata ahli perniagaan lelaki berusia lingkungan 50-an itu sebelum itu bermintah untuk menyertai pelaburan berkenaan selepas melihat iklan menerusi laman Facebook pada Oktober lepas.

"Mangsa (ahli perniagaan) telah diberikan penerangan berkaitan pelaburan melalui satu pautan dan melalui laman web berkenaan, mangsa boleh membuat transaksi pelaburan dan melihat statistik pergerakan graf Bursa Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mazli berkata mangsa telah

kenderaan yang dinaiki sepasang suami isteri bersama anak mereka itu tertimbas oleh tanah runtuh di Jalan Tarutung-Sibolga berhampiran Kampung

Sibalanga Julu sekitar 5.00 petang waktu tempatan.

Insiden turut membabitkan lima buah van, sebuah lori seberat 10 tan dan sebuah motosikal serta

mengakibatkan sebuah rumah rosak teruk.

Sementara itu, enam individu daripada kenderaan lain telah dikeharkan ke hospital akibat cedera parah manakala tujuh lagi cedera ringan dan menerima rawatan di pusat kesihatan tempatan.

Menurut pegawai BPBD Tapanuli Utara, Septian Yudiansyah, sebanyak lima kejadian tanah runtuh dilaporkan di sepanjang laluan itu malam tadi.

Operasi menyelamat dimulakan serta-merta dan jalan itu boleh diakses pagi ini.

Agensi Meteorologi mengeluarkan amaran hujan lebat disertai angin kencang dan ribut petir sehingga Isnin di kawasan cerun barat dan pantai barat Sumatera Utara, menimbulkan risiko banjir dan tanah runtuh. - ©BERNAMA

Ekonomi global tunjuk momentum positif - IMF

WASHINGTON, 3 Feb. - Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kristalina Georgieva berkata pada Khamis bahawa walaupun IMF menaikkan unjuran pertumbuhan global tetapi memberi amaran tentang risiko yang masih wujud, lapor Xinhua.

Semasa mengadakan sidang media di ibu pejabat IMF di Washington pada Khamis, ketua IMF itu berkata konflik antara Rusia dan Ukraine serta Israel dan Hamas serta situasi geopolitik yang kompleks masih membawa ketidakpastian kepada prospek ekonomi global.

IMF menaikkan unjuran pertumbuhan global kepada 3.1 peratus pada 2024, 0.2 mata peratusan lebih tinggi berbanding unjuran pada Oktober 2023, kata Georgieva.

Mengenai gangguan perkapan-

di Asia Barat, ketua IMF berkata kargo yang melalui Terusan Suez pada Januari menurun sebanyak 43 peratus berbanding tahun sebelumnya, memberi tumparan kepada ekonomi-ekonomi berkaitan.

Beliau turut menyentuh mengenai risiko mengekalkan kadar faedah yang lebih tinggi untuk tempoh jangka masa panjang.

Sementara itu, bagi Amerika Syarikat, risiko mengekalkan kadar faedah tinggi lebih lama daripada yang diperlukan bukan hanya mendatangkan risiko terhadap ekonomi AS tetapi untuk ekonomi global, katanya.

"Apabila negara lain terutama sedang pesat membangun telah menurunkan inflasi kepada kadar faedah yang lebih rendah, jika AS terus meningkat, itu boleh memberi kesan kepada kadar pertukaran dan

ia boleh memberi kesan kepada negara lain dengan cara yang agak negatif," kata Georgieva.

Mengenai ekonomi China, Georgieva memberitahu Xinhua bahawa "ekonomi China menunjukkan prestasi melebihi jangkaan pada 2023."

Beliau berkata adalah penting untuk menanganai cabaran termasuk tekanan dalam sektor hartanah dan mengurus hutang kerajaan tempatan demi mengekalkan momentum ekonomi China, kata Georgieva.

Kerajaan China telah mengambil beberapa tindakan membabitkan sektor hartanah, katanya.

Komitmen China terhadap ekonomi hijau terbukti menerusi keputusan penting terutamanya dalam sektor seperti kenderaan elektrik, katanya. - ©BERNAMA

Malaysia sambut baik cadangan EU anjur persidangan keamanan antarabangsa mengenai konflik Palestin-Israel

KUALA LUMPUR, 3 Feb. - Malaysia menyambut baik cadangan Kesatuan Eropah (EU) untuk mengadakan persidangan keamanan antarabangsa dalam usaha membangun pelan hala tuju ke arah penyelesaian dua negara untuk konflik Israel-Palestin.

Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan berkata pengakhiran pendudukan Israel selama beberapa dekad di wilayah Palestin adalah asas untuk penyelesaian dua negara serta keamanan dan keselamatan yang berkekalan di Asia Barat.

"Keamanan yang berkekalan hanya dapat dicapai sekiranya semua pihak yang terlibat diberi ruang dan peluang yang sewajarnya untuk bersuara. Kesimpulannya, suara semua pihak perlu diangkat dan diperkasakan agar dialog menjadi bermakna."

"Hal ini telah dibuktikan menerusi perbincangan kita pada hari ini. Saya berharap

semua pihak dapat diberikan hak kebebasan bersuara, sama seperti hak kebebasan yang kita nikmati," katanya pada Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN-EU kali ke-24 di Brussels, Belgium, pada Jumaat.

Dalam perkembangan sama, Mohamad turut menekankan keperluan bekerjasama antara ASEAN dan EU bagi memastikan keamanan dan kestabilan di seluruh dunia. Beliau berkata teras ASEAN dan EU adalah berpusat kepada pengekalan keamanan di rantau masing-masing.

"Sejak kebelakangan ini, kita telah menyaksikan keganasan dan ancaman perang kembali menyelubungi Asia Barat. Lebih membimbangkan, kebarangkalian perkara ini bercambah menjadi konflik pelbagai hala."

"Dengan polikrisis global yang berterusan ditambah dengan pergolakan di Asia Barat menuntut kita untuk terus memastikan keamanan kekal menjadi matlamat utama. Bayang-bayang perang

serantau dan perang dunia yang mengerikan perlu dihapuskan serta-merta.

"Pengabaian sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Piagam PBB dan undang-undang antarabangsa tidak boleh dibiarkan berterusan. Tiada negara boleh melanggar undang-undang ini sewenang-wenangnya tanpa sebarang hukuman dan tidak sepatutnya ada pilih kasih," kata beliau.

Mohamad juga menekankan mengenai keperluan mendesak untuk gencatan senjata dilaksanakan dengan serta-merta di Gaza. Malaysia menyambut baik keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berhubung kes yang dikemukakan oleh Afrika Selatan terhadap Israel.

Beliau berkata pelaksanaan Konvensyen 1948 berkenaan Pencegahan dan Hukuman Jenayah Genosid oleh ICJ dianggap penting dalam mengangani krisis yang sedang berlaku. - ©BERNAMA

Sibalanga Julu sekitar 5.00 petang waktu tempatan.

Insiden turut membabitkan lima buah van, sebuah lori seberat 10 tan dan sebuah motosikal serta

mengakibatkan sebuah rumah rosak teruk.

Sementara itu, enam individu daripada kenderaan lain telah dikeharkan ke hospital akibat cedera parah manakala tujuh lagi cedera ringan dan menerima rawatan di pusat kesihatan tempatan.

Menurut pegawai BPBD Tapanuli Utara, Septian Yudiansyah, sebanyak lima kejadian tanah runtuh dilaporkan di sepanjang laluan itu malam tadi.

Operasi menyelamat dimulakan serta-merta dan jalan itu boleh diakses pagi ini.

Agensi Meteorologi mengeluarkan amaran hujan lebat disertai angin kencang dan ribut petir sehingga Isnin di kawasan cerun barat dan pantai barat Sumatera Utara, menimbulkan risiko banjir dan tanah runtuh. - ©BERNAMA

Empat maut akibat terkena renjatan elektrik di Indonesia

JAKARTA, 4 Feb. - Tragedi melanda Bantul, Yogyakarta awal 2024 apabila empat nyawa melayang dalam insiden membabitkan renjatan elektrik, menurut polis.

Penolong Pesuruhjaya Polis Bantul, Jeffry Prana Widnyana berkata kes terbaru membabitkan seorang lelaki berusia 28 tahun dari Nusa Tenggara Timur yang maut ketika membaiki bumbung bocor pada Khamis.

Pada Rabu, seorang lelaki berusia 43 tahun terkena renjatan elektrik ketika membaiki lampu di tempat kerjanya.

Pada 29 Januari, seorang pekerja binaan ditemukan mati di atas bumbung kediaman semasa menjalankan tugas.

"Mangsa ditugaskan untuk memasang jubin di bilik mandi," kata Jeffry dalam satu kenyataan.

Sementara itu pada 21 Januari, seorang lelaki berusia 40 tahun maut ketika memotong buluh di tepi sungai.

Jeffry menyeru orang ramai agar berhati-hati dengan risiko renjatan elektrik terutama semasa musim hujan, ekoran insiden kematian baru-baru ini. - ©BERNAMA

Mark Zuckerberg duduki tempat keempat manusia terkaya di dunia

ISTANBUL, 3 Feb. - Mark Zuckerberg, pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Facebook, Meta Platforms pada Jumaat melonjak ke tempat keempat dalam senarai manusia terkaya di dunia.

Menurut the Forbes Real-Time Billionaires List, nilai kekayaan bersih Zuckerberg meningkat sebanyak US\$27.6 bilion atau 19.88 peratus, mencecah US\$167 bilion, lapor Agensi Anadolu.

Nilai kekayaan Zuckerberg, 39, mengatasi pengasas bersama Microsoft Bill Gates, tokoh pelaburan Warren Buffett dan pengasas bersama Oracle Larry Ellison.

Pengasas Amazon Jeff Bezos kini di tempat ketiga dengan kekayaan bernilai hampir US\$194 bilion, manakala CEO SpaceX, Tesla dan X Elon Musk (US\$198 bilion) berada di tempat kedua.

Bernard Arnault, 74, penggerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif LVMH Moet Hennessy Louis Vuitton, mendahului senarai itu dengan kekayaan sebanyak US\$212 bilion. - ©BERNAMA

Kerajaan Indonesia siasat dakwaan jurutera curi teknologi jet pejuang KF-21

JAKARTA, 3 Feb. - Kerajaan Indonesia sedang menyiasat dakwaan membabitkan seorang jurutera yang terlibat dengan projek bersama jet pejuang KF-21 dan Industri Aeroangkasa Korea (KAI).

Kementerian Luar mengarahkan kedutaannya di Seoul untuk bekerjasama dengan Kementerian Luar Korea Selatan dan pihak berkaitan untuk menjalankan siasatan menyeluruh mengenai perkara itu.

"Kedutaan telah berhubung terus dengan jurutera Indonesia dan mengesahkan individu itu tidak ditahan pada masa ini," menurut jurucakap kementerian Lalu Muhamad Iqbal.

Beliau berkata jurutera itu telah memainkan peranan penting dalam projek bersama sejak 2016, memiliki pemahaman mendalam tentang prosedur kerja dan peraturan berkaitan.

"Projek KF-21 membabitkan kerjasama strategik yang memberi manfaat kepada Indonesia dan Korea Selatan. Kedua-dua negara komited untuk menangani sebarang isu yang mungkin timbul hasil kerjasama ini," katanya.

Pada Jumaat, Agensi Berita Yonhap melaporkan Korea Selatan sedang menyiasat seorang jurutera Indonesia atas dakwaan mencuri teknologi KF-21 yang sedang dibangunkan. Jurutera yang ditempatkan di KAI itu disyaki menyimpan data pembangunan KF-21 di dalam pemacu USB dan kini dilarang meninggalkan Korea Selatan.

Pelbagai agensi, termasuk Perkhidmatan Perisikan Negara, sedang menjalankan siasatan bersama untuk menentukan sama ada data itu mengandungi teknologi strategik.

Indonesia selaku rakan kongsi projek terbabit belum memenuhi kewajipan pembayaran kos 20 peratus projek yang mula dilaksanakan pada 2015, dengan bayaran hampir satu trilion won berbanding kos keseluruhan projek berjumlah 8.8 trilion won. - ©BERNAMA



PELITA BRUNEI SUKAN

PJSC MERIAHKAN WCD2024

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengurus Lembaga Pengarah PJSC Bersama serta Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, jawatankuasa dan orang ramai menyertai Walkaton 'Bersatu Menentang Kanser' sejauh dua kilometer di sekitar Bandar Seri Begawan (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Februari. - Bidang Onkologi melihat kemajuan pesat dalam ilmu pengetahuan mengenai kanker dengan timbulnya kaedah-kaedah perubatan terkini dalam pengesanan, rawatan-rawatan kancer baharu dan sediakala, kemajuan dalam bidang pembedahan, bidang radioterapi, rawatan paliatif dan sebagainya.

Malah, perkembangan pesat maju dalam bidang perubatan onkologi ini memberi peluang khususnya kepada sebilangan pesakit-pesakit kanker yang dulunya mungkin penyakintya tiada rawatan efektif dan pengurangan dari segi kemudarat dari beban kanker.

Perkara itu ditekankan oleh Pakar Perunding Perubatan Onkologi, Dr. Raden Mas Jeffri bin Raden Mas Ismail selaku Pengurus Bersama Hari Kanser Sedunia 2024 / World Cancer Day 2024 (WCD2024) pada acara WCD2024 yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Namun demikian, perkembangan-perkembangan yang dinyatakan tadi kebanyakannya jelasnya, tidak mengurangi beban kes-kes kancer baharu.

Ternyata, cara paling efektif untuk memerangi kanker adalah dengan pencegahan dan pengesanan kanker pada

peringkat awal. Mengambil pengajaran dari pepatah Melayu : "Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada berguna," ujar beliau.

Dalam hal ini, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) katanya, sentiasa bergiat rapat dengan Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kesedaran khalayak ramai mengenai penyakit kanker. Khususnya, apakah jenis-jenis kanker paling kerap berlaku, risiko-risiko kanker dan kepentingan dengan pengesanan kanker melalui program saringan (*cancer screening program*) seperti yang terdapat sekarang, iaitu National Screening Program for Breast, Colorectal and Cervical Cancer.

Menurut beliau, pada masa ini kadar kanker di Negara Brunei Darussalam adalah nisbah satu per tiga untuk kaum wanita dan nisbah satu per empat untuk lelaki. Kadar kanker ini dijangka meningkat pada dekad yang akan datang apalagi dengan negara kita bakal menghadapi peningkatan dalam *aging population* dalam masa dua dekad ini.

Terdahulu, Dr. Raden Mas Jeffri menyatakan Negara Brunei Darussalam melalui PJSC adalah salah satu dari 170 anggota pertubuhan antarabangsa bagi kawalan kancer iaitu UICC (Union for

International Cancer Control) dalam komitmen kita secara global untuk mengawal serta memerangi kanker.

Beliau menjelaskan, tahun ini merupakan tahun ketiga dan terakhir untuk tema global 'Close the Care Gap' (Kurangkan Jurang Penjagaan). Matlamat tema ini adalah hasrat untuk mengurangkan ketidakseimbangan rawatan dan penjagaan untuk pesakit-pesakit kanker.

Bersempena memperingati WCD2024, PJSC menghimpunkan orang ramai bagi meraikan sambutan WCD2024 dalam menunjukkan komitmen mereka bersatu untuk 'Merapatkan Jurang Penjagaan', yang merupakan tema global WCD2024.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan sambutan acara tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengurus Lembaga Pengarah PJSC Bersama.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersama-sama Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, jawatankuasa dan orang ramai turut sama menyertai Walkaton 'Bersatu Menentang Kanser' sejauh dua kilometer di sekitar Bandar Seri Begawan.

Walkaton merupakan usaha proaktif

jawatankuasa WCD2024 ke arah meningkatkan kepentingan amalan aktif dan gaya hidup sihat dalam menyemarakkan kualiti hidup dan mengurangkan tingkah laku sedentari sebagai solidariti dengan usaha untuk bersatu menentang kanker.

Pada acara itu, semua yang hadir juga dijemput untuk mengecap tangan ke dinding ikrar untuk melambangkan ikrar kolektif perpaduan mereka bagi menyahut seruan tema WCD2024.

Acara WCD2024 juga dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti permainan interaktif dan gerai tematik, penyertaan cabutan bertuah dan pameran lainnya.

Semasa acara tersebut, mereka yang hadir juga digalakkan untuk mengimbas dan mendaftar masuk dengan menggunakan Aplikasi BruHealth masing-masing bagi mendapatkan Brupoint untuk penebusan masa hadapan.

Bagi memperingati WCD2024, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha turut dinalakan dengan warna biru dan oren (warna rasmi Hari Kanser Sedunia) mulai dari 2 hingga 8 Februari 2024.

Bahkan, bangunan PJSC di Jerudong juga akan dihiasi dengan warna-warna ini untuk meraikan tradisi berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

Jepun dalam tempoh satu hingga tiga tahun akan datang.

Menekankan komitmen untuk membela kebaikan Jepun, pertemuan ini menggariskan niat untuk seiring visi Jepun dalam pembangunan bola sepak.

Awang Haji Feisal secara khususnya, meneckan hasrat yang tulus untuk mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara melalui bahasa universal bola sepak.

Pertemuan ini menandakan langkah positif menuju pengukuhan kerjasama antara Jepun dan Brunei Darussalam dalam bidang pembangunan bola sepak.

Sementara kedua-dua negara menantikan manfaat kerjasama ini, Kedutaan Jepun berdiri sebagai fasilitator untuk usaha yang positif ini.

"Ini adalah pertemuan yang sangat baik dengan Tuan Yang Terutama dan FABD berasa bersyukur atas hasil yang memberangsangkan," kata Presiden FABD.

FABD teroka peluang dengan Jepun



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam semasa menerima kunjungan hormat daripada Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Februari. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru menerima kunjungan hormat daripada Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff bagi mengukuhkan dan meneroka kerjasama erat dalam pembangunan dan kemajuan bola sepak kedua buah negara.

Menyuarkan rasa syukur atas sokongan berterusan Jepun dalam latihan bola sepak, kewangan, dan kelengkapan sukan, Awang Haji Feisal mencari kerjasama lanjut untuk meningkatkan kualiti bola sepak di negara ini.

Tumpuan kerjasama ini adalah untuk memperkuatkan hubungan dalam bola sepak wanita, pembangunan akar umbi, dan program bola sepak senior.

FABD, di bawah pimpinan beliau, berhasrat untuk mencontohi kecemerlangan bola sepak

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN AMALAN KEROHANIAN, MEMINTA KEAMPUNAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA